

# Samudera



Edisi 4/19

## **BENTENG HADAPAN NEGARA**



Majalah Rasmi Tentera Laut Diraja Malaysia



ISSN 0127-6700



**SETINGGI-TINGGI PENGHARGAAN  
TENTERA LAUT DIRAJA MALAYSIA  
ATAS SEGALA PENGORBANAN MELINDUNGI  
DAN MEMPERTAHANKAN PERAIRAN MALAYSIA,  
NEGARA BERTUAH INI**

DENGAN IRINGAN DOA  
& INGATAN TULUS IKHLAS

**YOUR RELIABLE  
STRATEGIC ALLIANCE**



**BUDI AXIS SDN BHD (836389-H)**

SUITE B1-17, MEGAN AMBASSY, 225 JALAN AMPANG, 50450 KUALA LUMPUR

T 03-2171 2525, 03-2171 2727 F 03-2166 1717 E enquiry@budiaxis.com

# KANDUNGAN



Panglima Angkatan Tentera  
belayar bersama  
KD TUNKU ABDUL RAHMAN  
di Pulau Layang-Layang.

FOTO LK 1 PNK Khir Rahman bin Wahid

- 4 Fokus**  
Bersama Pelihara Kedaulatan Negara
- 8 Rencana**  
*Assessing the Success of PROTAP  
Between MMEA and RMN*
- 10 Siaga**
- Eksesais JCET FLASHMINT 1/19 Kerjasama Kukuh PASKAL dan USSOF
  - Maritime Training Activity* Malaysia-Filipina Laut 22/19
  - MTA 2019 Kukuhkan Hubungan Dua Hala
  - Latihan Perang Borneo 3/19 Uji Tahap Kesiapsiagaan MAWILLA 2
  - TLDM Pamer Kesepaduan dalam Eksesais BERSAMA LIMA 2019
  - Eksesais PAHLAWAN 16/2019
  - MASTEX 2019 Perkukuh Kerjasama Pertahanan Maritim Malaysia - Australia
- 16 Lensa TLDM**  
Sambutan Hari ATM ke-86
- 18 Penulis Tamu**  
*Naval Build-Up* di Asia Tenggara:  
Modenisasi atau Perlumbaan Senjata?
- 21 Teknologi**  
*Pembangunan Combat Management System*
- 24 Tred**  
TLDM Lahirkan Pakar Hidrografi Bertaraf Dunia
- 26 Unsung Hero**  
Wira di Perut Kapal
- 28 Snapshot**  
KD TUNKU ABDUL RAHMAN di Perairan Pulau Layang-Layang
- 31 Tradisi**  
Tradisi Penghormatan di Geladak Suku
- 32 The Navy People**  
Wajah-wajah Ceria
- 34 Lensa**  
Perbarisan Tamat Latihan Perajurit Muda Pengambilan 219/2019

- 36 Sejarah**  
*Glorious Past of Malay Seafarers*
- 37 BAKAT**
- Sekilas Sambutan Hari ATM ke-86 di Lumut
  - BAKAT Laut Terus Aktif
- 40 Didik**  
Inisiatif Pelan Pendidikan: Faedah kepada Pelajar, Ibu Bapa
- 42 Sukan**
- Elak Gemuk Puncak Lt Kdr Nadiah Ceburi Sukan Lasak
  - Persatuan Perahu Layar TLDM Kembali Tempa Nama di Kejohanan Antarabangsa
  - Atlet TLDM Dominasi Anugerah Sukan MAKSAK
- 44 PSSTLDM**
- Latihan Tahunan Bersepadu PSSTLDM 2019
  - Psstldm Future Generation 2030: Kursus Pertengahan Pegawai Simpanan
- 46 Berita**
- Ensing TLDM Berkibar di Puncak Gunung Kinabalu
  - Peralihan Tampuk Kepimpinan Armada Timur
  - Seminar Pegawai Kanan TLDM 2019
  - Timbalan Panglima Tentera Laut Dihargai Warga LLP Lembah Klang
  - TLDM Ungguli Tilawah al-Quran ATM 2019
  - Biasakan yang Betul
  - Nostalgia OPV1
  - Ribuan Pengunjung Banjiri Hari Terbuka Armada MAWILLA 1
- 52 Sihat**  
Kerosakan Gigi Kanak-Kanak Boleh Dicegah
- 53 Galley**  
Tempoyak Patin Warrior
- 54 Santai**
- Istilah Tentera Laut
  - Jawapan *Crossword Puzzle* Siri 3/2019



**T**ahun 2019 bakal melabuhkan tirainya. Pelbagai cabaran serta rintangan telah kita harungi bersama. Banyak peristiwa pahit manis yang kita lalui dan saya yakin setiap *the Navy People* telah melakukan yang terbaik. Jadikanlah kejayaan sebagai penanda aras untuk kita lebih cemerlang dan teruslah berusaha memperbaiki segala kelemahan yang ada.

Edisi kali ini memberi tumpuan kepada aktiviti-aktiviti yang telah berlangsung sepanjang suku terakhir tahun 2019.

Buat julung kalinya juga, Samudera telah berjaya mencapai sasaran penerbitannya iaitu sebanyak empat keluaran setahun. Tahniah kepada seluruh warga kerja yang telah berjaya menyahut cabaran ini. Saya berharap majalah ini menjadi wadah utama dan medium terbaik untuk menyampaikan fakta yang tepat, berilmu serta bermaklumat berkaitan dengan TLDM dan *the Navy People*.

Akhir kalam, saya serta warga kerja Samudera ingin merakamkan penghargaan kami atas galakan dan komen konstruktif para pembaca dalam terus meningkatkan kualiti majalah ini. Teruslah berkongsi komen dan pandangan anda ke [majalahsamuderatldm@navy.mil.my](mailto:majalahsamuderatldm@navy.mil.my).

Sehingga bertemu lagi di tahun 2020. 📧

**SEDIA BERKORBAN**

*Fadhil Abdul Rahman*



#### **PENAUNG/PENASIHAT**

Laksdya Datuk Abdul Rahman bin Hj Ayob

#### **KETUA EDITOR**

Kept Fadhil bin Abdul Rahman TLDM

#### **EDITOR**

Kdr Azahar bin Ngah Ahmad TLDM  
Lt Kdr Norma Hanim binti Pandak Mahashim TLDM  
Lt Dya Ahmad Fauzan bin Rathuan @ Radzuan PSSTLDM  
PW I PRL Normahaily binti Mohd Nuan  
PW II KOM Shapilin bin Dolmat  
BM TLR Mohamad Asri bin Md Zlan  
BM TLR Suhairi bin Hj Mohamed Ali

#### **REKA BENTUK**

Surianti binti Hasan

#### **ALAMAT**

Sidang Redaksi Majalah Samudera  
PUSMAS TLDM  
(RMN Sea Power Centre)  
Jalan Sultan Yahya Petra  
54100 KUALA LUMPUR

**Tel: 03 - 2202 7260**

**Emel: [majalahsamuderatldm@navy.mil.my](mailto:majalahsamuderatldm@navy.mil.my)**

Majalah Samudera diterbitkan empat kali setahun dan diedarkan secara PERCUMA. Majalah Samudera mengalu-alukan sumbangan rencana, berita, gambar, cerpen, puisi dan seumpamanya yang berorientasikan 'Wadah Informasi *the Navy People*'.

# ELINT goes digital. Any signal, any platform, any scenario.

Rohde & Schwarz offers a fully operational digital ELINT system that enables interception, recording and analysis of modern radar signals. Experience peerless performance and highest sensitivity with maximum operator usability.

Rohde & Schwarz ELINT system:

- Future-proof RF range from 9 kHz to 40 GHz
- Powerful ELINT analysis capabilities
- Online lossless processing of complex, state-of-the-art waveforms
- Payload system for air, sea and land based sensor platforms
- Enhanced situational awareness (incl. DF)

Regain the range advantage.

Achieve digital battlespace superiority.

For more info:

[www.rohde-schwarz.com/ad/elint](http://www.rohde-schwarz.com/ad/elint)

Multifunction radar

- AESA
- Complex RF agility
- Formatted complex PRI structure

FMCW radar

- Low transmit power
- Wide RF bandwidth
- Excellent range resolution

Target tracking radar

- PESA
- High power
- Multi-beam/multi-target

Air defense radar

- RF agility
- Complex PRI waveform
- Intrapulse modulation



# BERSAMA PELIHARA KEDAULATAN NEGARA

**OLEH** Kdr Azahar bin Ngah Ahmad TLDM

**K**edaulatan merupakan atribut terpenting bagi setiap negara merdeka. Ia adalah kuasa tertinggi sesebuah negara dan rakyatnya dalam menentu serta mengatur hal-hal yang berkaitan dengan sosio-ekonomi, budaya, politik, serta masa depan. Sesungguhnya, kedaulatan perlu sentiasa dipertahankan dan dimartabatkan agar negara sentiasa bebas serta dihormati oleh pihak luar. Justeru setiap warganegara secara automatik mempunyai peranan yang tersendiri dalam perkara ini.

Kejayaan negara sama ada dalam aspek politik, ekonomi mahupun sosial adalah bergantung kepada sejauh mana kesanggupan rakyat untuk melindungi negara daripada sebarang anasir jahat. Dengan hal yang demikian, semua lapisan masyarakat hendaklah menyumbangkan tenaga dan memainkan peranan berdasarkan kapasiti masing-masing demi melahirkan sebuah negara Malaysia yang aman, selamat dan makmur.

Di negara kita, pasukan keselamatan merupakan sayap kanan dan jentera kepada keselamatan sesebuah negara. Dalam pengetahuan merekalah, segala strategi pertahanan negara diprogramkan. Pasukan keselamatan yang diketuai oleh ATM bertanggungjawab menjadi benteng hadapan negara daripada sebarang ancaman musuh sama ada daripada luar atau dalam negara. Tindakan pantas mereka amat penting dalam membendung gejala ancaman keselamatan terhadap negara ini.

Ruang lingkup keselamatan hari ini memperlihatkan kekaburan tanggungjawab di antara keselamatan dalam negara atau mempertahankan negara. Kita kini turut dibelenggu dengan ancaman bukan tradisional seperti jenayah rentas sempadan, keganasan, perlanungan dan kegiatan militan serta bencana alam. Dalam hal ini, kerjasama rakyat juga diperlukan dalam memahami akan peranan ATM sebagai benteng utama pertahanan negara. Rakyat perlu sedar bahawa mereka juga mempunyai peranan dalam mempertahankan keamanan dan kedaulatan bumi tercinta ini. Kesedaran ini harus subur di jiwa setiap



warganegara, agar kita tidak mudah diperalat atau menjadi dalang kepada perosak agama, bangsa dan negara. Laungan 'ATM dan rakyat berpisah tiada' bukanlah suatu ungkapan retorik semata-mata. Seringkali kita zahirkan dengan pelbagai tindakan seperti membantu orang awam ketika berlakunya bencana alam seperti banjir, tsunami dan sebagainya.

Kedaulatan sesebuah negara juga banyak bergantung kepada hubungan antara rakyatnya. Pada amnya, hubungan tegang antara rakyat akibat daripada perselisihan mampu menggugat keselamatan negara. Negara yang kacau bilau bukan sahaja terdedah kepada ancaman dalaman tetapi juga dari luar yang melihat ini sebagai peluang untuk campur tangan, sekali gus membuka ruang untuk menguasai negara. Perpaduan kaum merupakan elemen yang penting dan harus diberi perhatian bagi memupuk hubungan etnik antara masyarakat terutama bagi negara kita yang bermasyarakat majmuk bagi menjamin kestabilan ekonomi serta politik negara.

Hubungan kaum yang harmoni merupakan kunci kepada kemajuan dan kestabilan negara. Bagi mencapai kemajuan, negara memerlukan rakyat yang dedikasi dan komited untuk melaksanakan tugas dan tanggungjawab masing-masing. Justeru, masyarakat perlu saling memahami dan menghayati nilai-nilai murni seperti tolong-menolong, saling percaya, rendah hati, penerimaan, kesetiaan, pendidikan dan integriti. Sebarang kesangsian, kecurigaan dan ketidakpuasan hati antara kaum yang diterjemahkan secara berlebihan hanya akan mewujudkan ketidakstabilan dan persengketaan. Akhirnya, akan merugikan negara kita sendiri dan meniasiakan segala usaha yang telah digiatkan oleh barisan pemimpin terdahulu.

Selain itu, para pemimpin negara juga perlu memainkan peranan bagi memastikan kedaulatan negara dikekalkan. Melalui kebolehan yang ditunjukkan, tegas dalam sesuatu

perkara, akan menyebabkan negara luar hormat kepada kita. Rasa hormat ini akan mengukuhkan lagi kedaulatan negara kita. Oleh itu, para pemimpin hendaklah diangkat dalam kalangan orang yang jujur, amanah, dan penuh integriti. Ini kerana jawatan pemimpin, penguasa atau pemerintah itu bukanlah sesuatu yang untuk dibanggakan, bukan untuk meraihi kemewahan, dan bukan untuk mengejar kemasyhuran.

Menggariskan prinsip pertahanan adalah kesinambungan komitmen ke arah mengukuhkan pertahanan negara dan modenisasi angkatan tentera. Pertahanan negara merupakan aspek penting bagi menjamin kedaulatan negara terus dipelihara. Kewujudan sebuah negara bergantung kepada kedaulatan dengan adanya kekuasaan tertinggi yang tidak terbatas. Sekiranya negara tidak mempunyai kuasa tertinggi atau kuasa yang selalu dicabar maka dengan sendirinya kedaulatan sesebuah negara boleh terjejas. Ini bererti kuasa tertinggi menentukan sebuah negara itu harus bebas dari kongkongan kuasa-kuasa luar kerana negara yang tunduk dengan kuasa luar boleh menjadi sebuah wilayah jajahan. Melalui pertahanan yang kukuh sudah pastinya kestabilan, kedaulatan dan keselamatan negara akan terus dikecapi. Bagi sebuah negara yang pernah melalui pelbagai pengalaman peperangan bermula dengan era kemasukan penjajah asing, keganasan komunis dan konfrontasi seharusnya menghargai nilai kebebasan dan keamanan yang dikecapi.

Kesimpulannya, kedaulatan negara bukan hanya dipertahankan oleh ATM sahaja tetapi perlu disertai oleh semua rakyat Malaysia. Ancaman yang kita hadapi, bukan sahaja anasir yang wujud daripada luar tetapi daripada dalam negara kita sendiri. Kedaulatan negara adalah tanggungjawab bersama, maka marilah kita sama-sama mempertahankannya tanpa mengira asal usul dan keturunan kita. Kalau bukan kita warganegara Malaysia mempertahankan kedaulatannya, siapa lagi!!!! 🇲🇾

# ASSESSING THE SUCCESS OF PROTAP BETWEEN MMEA AND RMN



**BY** Dr. Tharishini Krishnan  
Department of Strategic Studies  
National Defence University Malaysia

**M**apping of maritime security is recognised worldwide because it comprises extensive issues that pertain to the management of resources at sea. This strategy has dominated international policy-making agendas, and as a result, most countries have started to prioritise maritime security in their own developmental agendas and policies. At the national level, maritime security has also directed different maritime organisations in a country to map coordination at sea.

In that sense, the '*Prosedur Tetap (PROTAP) Operasi Bersama Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) dan Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM)*' is one common Standard Operating Procedure (SOP) which was shaped in 2016 to coordinate and regulate various elements such as organisational structure, hierarchy of job scope and roles, Rules of Engagement (ROE), communication and so forth between the Malaysian Maritime Enforcement Agency (MMEA) and Royal Malaysian Navy (RMN). At a glance, PROTAP is referred as an all rounded SOP to ensure effective communication between these two bodies.

But has the collaboration of PROTAP succeeded in achieving its objectives? We all know that MMEA and RMN are two critical contributors of Malaysian maritime security. Whilst RMN is responsible at defending the Malaysian waters, MMEA is tasked to implement enforcement policies at sea. Both bodies complement each other but the effectiveness of cooperation between the two is often a query. The query became more outstanding with the establishment of PROTAP in 2016 – it triggers to analyse the effectiveness of cooperation after the shaping of PROTAP.

On that basis, a pilot study in Lumut by the author probed the integration of organisational behaviour between MMEA and RMN in handling daily maritime activities

and a further research was conducted to examine the organisational behaviour since the establishment of PROTAP in 2016. The following commands of MMEA and RMN was involved in the research:

<b>Western Command Fleet HQ</b> Lumut	<b>MMEA Lumut</b> (Maritime District 3)
<b>Eastern Command Fleet HQ</b> Kota Kinabalu	<b>MMEA Kota Kinabalu</b> (Maritime District 15)
<b>Naval Area 1 HQ</b> Kuantan	<b>MMEA Kuantan</b> (Maritime District 8)
<b>Naval Area 2 HQ</b> Sandakan	<b>MMEA Sandakan</b> (Maritime District 17)

In general, both MMEA and RMN share the same geographical setting and boundaries (territorial and Exclusive Economic Zone) and they complement one another because it can operate functions at the same area with similar assets. However, it can sometimes create miscommunication in executing jobs and task in similar territories. But, PROTAP has been successful in improving the gap in organisational behaviour and communication between MMEA and RMN. For example, during OPS SEKAT where both parties contributed their roles in ensuring the safety and security at sea.

From the research, three categories are identified to explain the success of PROTAP and to suggest recommendation for future improvement of the SOP. First is in terms of organisational behaviour structure. Since the instigation of PROTAP, command and control is clear and well organised. An increased in manpower is welcomed and improvement in terms of technology is also important for better communication. The RAKAM and SAHABAT MARITIM application has been successful for information sharing between MMEA and RMN. Therefore, improvement in technology is definitely vital for better communication and coordination. Nonetheless, one major problem is the absent of other agencies in achieving strong maritime security consolidation. It is thus





Helicopters conducting a fly pass.



Search and rescue operations demonstration.

comprehensive outcome, a maritime doctrine covering communication, logistics, command and control should be initiated by the Ministry of Home Affairs involving all other related maritime agencies in the country.

### THE WAY FORWARD

In conclusion, the purpose of establishing PROTAP has been accomplished. The research found that the role and function of MMEA and RMN is well understood and organised in handling daily maritime activities as well as during crisis.

suggested that involvement of other agencies is vital towards a stronger SOP. Inter-agency involvement such as custom, immigration, marine police, fisheries and so forth can help to improve command and control at sea.

However, it is important to note that to execute a SOP, asset and budget management is key. On that standpoint, the budget receive is equivalently sufficient to the program planned and to conduct PROTAP. In other words, the mission is accomplished. But, the budget received is relatively low and causing delay in executing a task. Hence, in the long run, the morale of officers can be affected to achieve the required mission. It is therefore recommended to have a blueprint to forecast five-year planning for the future.



RMN and MMEA planning team working together.

In terms of working culture, MMEA is para military whilst RMN has strong military culture. Hence, for the purpose of communication, PROTAP is a good referencing point for both MMEA and RMN. However, the human factor is a major issue in achieving smooth communication as each officers are from different background. In addition, officers will need more exposure to understand how to use it. For a more

Overlapping functions and miscommunication has reduced after PROTAP and indeed become a benchmark towards improving and creating a common maritime standard operating procedure in the future. Both MMEA and RMN however needs to improve asset and technology for better SOP policy, improve

engagement in terms of planning, asset and operational area management and ensure a comprehensive top down communication to enhance human factor competency and efficiency. 📍

The author expresses her gratitude to the National Defence University Malaysia for Short Grant Scheme (UPNM/2017/GPJ/P/SS1/4) that enabled her to research on the subject matter.




# EKSESAIS JCET FLASHMINT 1/19 KERJASAMA KUKUH PASKAL DAN USSOF

OLEH Lt Talhah bin Abd Karim TLDM

FOTO LKI TLR Muhammad Asnawi bin Aminudin



**D**aerah Semporna sekali lagi dipilih menjadi medan Ekseksais JCET Flashmint Siri 1/19 bermula 23 Julai hingga 23 Ogos 2019, melibatkan dua pasukan khas daripada Malaysia dan Amerika Syarikat.

JCET Flashmint adalah ekseksais tahunan yang berlangsung selama sebulan. Perkongsian pengalaman, teknik serangan serta prosedur latihan merupakan objektif utama ekseksais dilaksanakan. Selain daripada itu, latihan ini juga memfokuskan tahap kesiagaan anggota PASKAL. Antara latihan yang dilaksanakan adalah *Compass Marching*, *Long Range Navigation*, *Cast and Recovery* dan Serangan Amfibi Skala Kecil. 



Latihan *Roll Duck*, memasang dan mengoperasikan bot dengan pantas



Latihan *Map Reading*.



Latihan Pandu Arah Darat, *Combat Medic* serta Ikhtiar Hidup di Ladang Segaria.



Taklimat keselamatan, peralatan dan pergerakan sebelum memulakan latihan pandu arah darat.

## MARITIME TRAINING ACTIVITY MALAYSIA-FILIPINA LAUT 22/19



**OLEH** Lt Kdr Muhammad Hafiz bin Othman TLDM  
**FOTO** Lt Dya Shamimi binti Shahirol TLDM

**E**ksesais tahunan di antara TLDM dan Tentera Laut Filipina (TLF) (MTA MALPHI LAUT 22/19) ini telah dilaksanakan di Filipina dari 4 hingga 10 Ogos 2019. Berkonsepkan Latihan di Lapangan atau *Field Training Exercise (FTX)*, TLDM diwakili oleh KD PERAK dan KD PARI manakala TLF oleh BRP APOLINARIO MABINI, BRP Salvador ABCEDA, pesawat C90 dan satu tim Unit Operasi Khas.

Selain berperanan sebagai medium diplomasi antara kedua-dua angkatan, ia turut menjadi platform penting bagi kedua-dua tentera laut bagi menguji *Standard Operating Procedure (SOP)* dalam aspek perancangan dan kebolehpayaan operasi bersama.

Dua fasa eksekutif berjaya dilaksanakan iaitu Fasa Pelabuhan di Capt Veloso Pier, Cebu City dan Fasa Laut di perairan Laut Sulu. Namun begitu, tidak semua siri latihan yang dirancang dapat dilaksanakan sepenuhnya kerana laut bergelora akibat Taufan Lekima. Pelaksanaan Fasa Laut terpaksa ditangguhkan atas faktor keselamatan dan digantikan dengan *Table Top Exercise*, satu bentuk latihan menggunakan kaedah simulasi.

Di samping menyediakan peluang interaksi untuk para peserta melalui majlis resepsi serta acara sukan MALPHI Cup, warga Pangkalan TLF Cebu City turut mengambil peluang melawat KD PERAK yang dibuka untuk lawatan. Semoga kerjasama erat ini dapat memperkasakan kebolehpayaan kedua-dua tentera laut dalam menangani ancaman maritim.




## MTA 2019 KUKUHKAN HUBUNGAN DUA HALA

**OLEH** Lt Dya Nur asikin binti Johari TLDM  
**FOTO** Bahagian Komunikasi Strategik MPA Barat

**M**ajlis Pembukaan '*Maritime Training Activity*' (MTA) RMN-USN 2019 telah disempurnakan oleh Panglima Armada Barat serta disaksikan oleh Panglima Penguasa Maritim Pasifik, Laksamana Madya Linda L.Fagan di Pangkalan TLDM Lumut pada 14 Ogos 2019.

MTA TLDM-TLAS 2019 yang bermula dari 13 sehingga 18 Ogos 2019 dilaksanakan di Pangkalan TLDM Lumut dan di perairan Selat Melaka. Ini merangkumi aktiviti *Subject Matter Expert Exchange (SMEE)*, *Field Training Exercise (FTX)*, sukan dan acara pembukaan/penutup.

Panglima Armada Barat dalam ucapan pembukaannya menekankan betapa pentingnya program ini terus dilaksanakan. Menariknya kali ini, program ini turut melibatkan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) dan United States Coast Guard (USCG). Menurut beliau, MTA TLDM-TLAS ini wajar dilihat sebagai satu daripada pendekatan dalam mengukuhkan hubungan dan kesefahaman antara agensi penguatkuasaan maritim.

Eksekutif disertai hampir 300 anggota dan aset TLDM seperti KD LEKIU dan KD GAGAH SAMUDERA manakala APMM diwakili KM MARLIN. Aset TLAS dan USCG yang terlibat pula adalah USS MONTGOMERY, USNS SALVOR dan USCGS STRATTON. 





## LATIHAN PERANG BORNEO 3/19 UJI TAHAP KESIAPSIAGAAN MAWILLA 2

**OLEH** Lt Dya Elizabeth Ann TLDM

**L**atihan Perang Borneo (PB) Siri 3/19 yang melibatkan aset dan unit di bawah naungan Markas Wilayah Laut 2 (MAWILLA 2) telah dilaksanakan dengan jayanya dari 23 hingga 25 September 2019.

Latihan dimulakan dengan Taklimat Pegawai-pegawai Operasi Kapal di Pejabat Peperangan MAWILLA 2. Elemen Tugas yang terdiri daripada enam buah kapal iaitu KA TUN AZIZAN, KD BAUNG, KD PARI, KD SRI JOHOR, KD SRI PERLIS dan KD SRI GAYA telah belayar keluar ke kawasan latihan dalam keadaan Stesen Bertindak. Kapal-kapal yang terlibat telah diuji dengan beberapa siri latihan seperti melalui kawasan periuk api, ilmu kelautan, persenjataan, komunikasi, taktik peperangan dan kecemasan.

Latihan ini bukan sahaja meningkatkan tahap kesiapsiagaan warga serta aset terlibat, malah menjadi satu mekanisme bagi MAWILLA 2 dalam menguji keupayaan tempur armada serta unit-unit sokongan dalam menghadapi pelbagai bentuk ancaman dan konflik.

Secara tidak langsung, pelaksanaan ini meningkatkan keyakinan komuniti maritim di Pantai Timur Sabah terhadap komitmen TLDM bagi mengekalkan kestabilan perairan negara. 🇲🇾

**OLEH** Lt Dya Nur Asikin bintang Johari TLDM

**FOTO** Bahagian Komunikasi Strategik MPA Barat

**E**kksesais BERSAMA LIMA bukan lagi ekksesais yang asing bagi TLDM. Saban tahun, ekksesais gabungan melibatkan lima buah negara di bawah *Five Power Defence Arrangements* (FPDA) iaitu Australia, New Zealand, Singapura, United Kingdom, dan Malaysia akan beraksi mempamerkan kesepaduan melalui Latihan Pos Pemerintah atau *Command Post Exercise* (CPX) dan Latihan Medan atau *Field Training Exercise* (FTX).

FPDA adalah satu bentuk aturan pertahanan ketenteraan lima negara melibatkan Australia, Malaysia, New Zealand, Singapura dan United Kingdom bermula 1971 bagi mempertahankan Semenanjung Malaysia dan Singapura.

Berperanan untuk melatih dan menguji keupayaan FPDA, ekksesais ini juga menjadi instrumen yang memperkukuh hubungan ketenteraan dan diplomasi antara negara terlibat. Ekksesais yang berkonsepkan *Counter Terrorism* (CT), *Maritime Security* (MARSEC) dan bantuan kemanusiaan telah berlangsung dari 30 September hingga 17 Oktober 2019 di Pangkalan Udara Butterworth dan Perairan Pulau Tioman. Tumpuan ekksesais kali ini adalah kepada aspek peperangan konvensional bagi memahirkan anggota tentera FPDA dalam melaksanakan operasi gabungan.


# TLDM PAMER KESEPADUAN DALAM EKSESAIS **BERSAMA LIMA 2019**



KD LEKIU bersama HMAS SIRIUS .

Fasa Laut yang telah berlangsung dari 6 hingga 17 Oktober menyaksikan penglibatan kapal-kapal dari TLDM, Tentera Laut Diraja Australia dan Tentera Laut Republik Singapura. TLDM telah diwakili oleh 3 buah kapal iaitu KD LEKIU, KD KASTURI dan kapal selam KD TUNKU ABDUL RAHMAN selain dibantu oleh aset sokongan seperti helikopter jenis Super Lynx dan Bot CB90

Fasa Laut memberi tumpuan kepada latihan peperangan 3 dimensi yang berikut:

- *Air Defence Exercise (ADEX)*
- *Combined Anti Submarine Exercise (CASEX)*
- *Replenishment At Sea (RAS)*
- *Surface Firing Exercise*
- *Naval Gunfire Support (NGS).* 



**Penutupan  
Eksesais di  
Pangkalan TUDM,  
Butterworth**

# EKSESAIS PAHLAWAN 16/2019

**OLEH** Kdr Azahar bin Ngah Ahmad TLDM

**FOTO** Cawangan Komunikasi Strategik MPA Barat

**E**ksesais Pahlawan Siri 16/2019 yang menggabungkan ketiga-tiga perkhidmatan ATM telah dilaksanakan bermula 23 Oktober hingga 7 November 2019. Latihan bersama berskala besar ini telah dirasmikan pembukaannya oleh Panglima Tentera Laut yang mewakili Panglima Angkatan Tentera di Pangkalan TLDM, Lumut.

Buat julung kalinya eksesais yang melibatkan penggunaan sistem simulasi dari ketiga-tiga cabang utama ATM disatukan dan disertai seramai 2,314 pegawai dan anggota. Antara objektif eksesais ini adalah untuk menilai keupayaan dan kecekapan ATM dalam melaksanakan operasi secara bersama, menilai doktrin yang digunakan, menguji keberkesanan aset dan interoperabiliti serta profesionalisme anggota ATM.

Eksesais kali ini agak berbeza kerana senario yang dibangunkan adalah berkonsepkan Peperangan Konvensional dan Peperangan Asimetri yang merupakan bentuk ancaman semasa yang dihadapi oleh kesemua negara.

Ianya juga menyaksikan buat julung kalinya penglibatan *Joint Regional Command North*

(JRCN) yang diterajui oleh Markas Pemerintahan Armada Barat TLDM. Penglibatan JRCN ini adalah selari dengan hasrat dan hala tuju ATM untuk membentuk Pemerintahan Wilayah Bersama (Joint Theatre Command) mengikut wilayah yang akan direalisasikan selaras pembangunan serta pemodenan ATM pada masa hadapan.

Menteri Pertahanan yang hadir di majlis penutup telah berkesempatan menyaksikan kesiagaan ATM dalam demonstrasi operasi OPUA (Operations in Build Up Area), operasi udara, operasi menyeberangi sungai dan penembakan Sistem Raket Lancar Berganda (MLRS). Pelaksanaan eksesais ini sejajar dengan hasrat ATM untuk tahun 2019 sebagai Tahun Ketumbukan Bersama (The Year of Joint).

Majlis penutup eksesais telah disempurnakan oleh Panglima Angkatan Tentera yang telah menanggalkan "TOHA" kepada mereka yang terlibat, menandakan eksesais telah selesai. Turut hadir pada majlis penutup ini adalah Menteri Pertahanan, Panglima Tentera Darat, Panglima Tentera Laut, Panglima Tentera Udara dan Exco Kerajaan Negeri Perak. 🇲🇾





## MASTEX 2019 PERKUKUH KERJASAMA PERTAHANAN MARITIM MALAYSIA - AUSTRALIA

**OLEH** PW I PRL Normahaily binti Mohd Nor


**P**enganjuran *Malaysia - Australia Training Exercise (MASTEX) 2019* di Pangkalan TLDM Kota Kinabalu pada 29 Oktober hingga 6 November 2019 telah berjaya memperkukuh kerjasama pertahanan kedua-dua negara, selain menyumbang kepada peningkatan keselamatan pertahanan maritim serantau.

Eksesais dwitahunan ini adalah manifestasi usaha berterusan antara kedua-dua tentera laut yang mempunyai sejarah jalinan kerjasama pertahanan sejak 60 tahun yang lalu.

Hampir 500 anggota daripada kedua-dua negara bersama dengan empat kapal perang telah mengambil bahagian iaitu KD KELANTAN, KD LEKIU, HMAS STUART dan HMAS SIRIUS.

Eksesais yang berlangsung selama sembilan hari itu dibahagikan kepada dua fasa, bermula dengan Fasa Pelabuhan dari 29 Oktober hingga 1 November dan disusuli Fasa Laut dari 2 hingga 4 November.

Dalam pada itu, pemilihan Sabah sebagai lokasi persinggahan kapal-kapal Tentera Laut Diraja Australia (RAN) turut membantu mempromosikan produk pelancongan di Sabah serta menyumbang kepada perkembangan ekonomi setempat.

Penolong Penasihat Pertahanan Australia di Malaysia, Captain Doug Griffiths RAN turut hadir menyaksikan eksesais. 







Nazery Khalid mengamati pembangunan pesat tentera-tentera laut di Asia Tenggara dan mempersoalkan sama ada ia merupakan proses pembangunan organik atau perlumbaan senjata.

## **NAVAL BUILD-UP DI ASIA TENGGARA: MODENISASI ATAU PERLUMBAAN SENJATA?**



Liaoning - kapal pengangkut pesawat China.

**OLEH** Nazery bin Khalid  
**FOTO** Arkib

**T**entunya tidak terlepas dari pengamatan para pengamal dan pemerhati sektor pertahanan serta keselamatan Asia Tenggara kebelakangan ini, tentera-tentera laut di rantau ini semakin gah membangun dan memodenkan armada serta aset-aset mereka.

Dalam 15 tahun kebelakangan, negara-negara rantau ini membelanjakan dua kali ganda lebih banyak ke atas aset-aset ketenteraan untuk meningkatkan kapasiti serta memodenkan tentera mereka. Dari jumlah ini, sebahagian besar diperuntukkan kepada pengembangan dan pemodenan tentera laut, termasuklah pembelian *armaments* berciri *offensive*.

Pada pengamatan penulis, ianya memberi petanda peralihan strategik dalam pendekatan ketenteraan di rantau ini. Perubahan daripada strategi menangani *counter-insurgency* dan mengukuhkan kestabilan domestik (*homeland defence*) kepada meningkatkan pertahanan luaran dan *power projection* serta mempersiapkan diri untuk menghadapi *conventional warfare*.

Laut China Selatan menjadi papan percaturan pelbagai negara untuk menuntut wilayah dan pulau-pulau. Gelagat China sebagai kuasa baharu dunia yang semakin menyangkan taringnya dalam bidang ekonomi, perhubungan antarabangsa dan ketenteraan, turut menuntut sebahagian besar Laut China Selatan telah mencetuskan apa yang dilihat ramai pemerhati sektor maritim dan ketenteraan sebagai *naval build-up* di perairan yang penting kepada dagangan maritim global. *Posture* agresif dan kadang-kadang *adversarial* China di Laut China Selatan menimbulkan keresahan di kalangan negara-negara di Asia Tenggara yang mempunyai tuntutan wilayah maritim yang bertindan sesama mereka di lautan tersebut.

### **BIASA ATAU ... LUAR BIASA?**

Pembelian aset baharu yang canggih dan berkuasa tinggi serta pembangunan kapasiti dan pemodenan merupakan perkara biasa dalam mana-mana organisasi termasuklah angkatan tentera. Hal ini penting untuk membolehkan mereka mematahkan ancaman, menunjukkan kekuatan bagi menakutkan musuh dan menyokong dasar luar negara melalui *military diplomacy*.

Kebergantungan negara-negara serantau dan para penduduknya kepada laut sebagai sumber tenaga, makanan, pekerjaan, pengangkutan serta dagangan memerlukan kawasan maritim yang selamat dan terpelihara daripada ancaman. Ini termasuk ancaman yang datang dari sumber-sumber konvensional iaitu dari tentera laut negara asing serta sumber bukan konvensional (sebagai contoh dari penyeludup, lanun dan kumpulan pengganas/gerila). Menjadi tanggungjawab utama tentera laut untuk memelihara negara dari ancaman-ancaman ini bagi membolehkan rakyat menjalani kehidupan dengan aman dan ekonomi boleh membangun dengan lancar.

### **NAVAL BUILD-UP DI ASIA TENGGARA: REAKSI TERHADAP CHINA?**

China semakin giat membina pulau-pulau *artificial* serta menunjukkan kekuatan tentera lautnya dalam dekad kebelakangan ini. Manakala negara-negara serantau yang mempunyai tuntutan ke atas wilayah dan pulau-pulau di Laut China Selatan juga turut meningkatkan kapasiti aset serta sumber manusia tentera laut. Pemodenan armada TLDM dengan pembelian dua kapal selam kelas Scorpene, enam unit *Littoral Combat Ships* dan empat unit *Littoral Mission Ships* merupakan salah satu contoh peningkatan armada di Asia Tenggara.

Persoalan yang bermain di minda pemerhati bidang ketenteraan di Asia Tenggara ialah, adakah *naval build-up* ini merupakan proses organik yang *natural*, satu



Kapal selam kelas Scorpene, Fennec dan Super Lynx antara aset TLDM.



Unmanned Aerial Vehicle (UAV) antara peralatan moden dalam perisikan pertahanan.

Namun senario keselamatan maritim sentiasa berubah dan dicorakkan oleh banyak elemen yang *unpredictable*. Suasana dinamik geo-politik, perhubungan antarabangsa, ketenteraan, sosial, alam sekitar, teknologi, kewangan, keselamatan dan pelbagai lagi bidang mempunyai kesan terhadap TLDM serta tugasannya. Tidak cukup dengan variasi ancaman yang harus dihadapinya dan pelbagai peranan yang perlu dimainkan, TLDM perlu menyiapkan diri daripada pelbagai segi untuk menangani ruang lingkup operasi yang semakin rumit serta ancaman-ancaman baharu pada masa hadapan.

perlumbaan senjata atau *arms race*? Apakah Laut China Selatan sedang mengalami proses *militarization* yang akan menambahkan ketegangan di kalangan tentera-tentera laut di wilayah ini dan menyemai prasangka di kalangan negara-negara yang mempunyai tuntutan di laut ini? Apakah trend ini akan berterusan dan suhu geo-politik di lautan yang penting ini akan semakin meningkat bila negara-negara menggunakan tentera laut mereka dengan lebih agresif sebagai instrumen bagi menyokong tuntutan dan kepentingan strategik mereka?

### **TLDM: ARE YOU READY, WILLING AND ABLE?**


Berlatarbelakangkan senario ini, adalah relevan kepada kita untuk menanyakan soalan adakah TLDM berada pada tahap siaga dan mantap untuk mempertahankan keselamatan dan kedaulatan maritim negara?

Dengan kapasiti dan kebolehan sedia ada, dapatkah TLDM bersaing dengan tentera-tentera laut di Asia Tenggara dan mematahkan ancaman keselamatan maritim serta memenuhi pelbagai tanggungjawabnya?

Tidak dapat dinafikan yang TLDM kini telah melangkah jauh sehingga muncul sebagai sebuah tentera laut yang berwibawa di rantau Asia Tenggara. Sepanjang perkhidmatannya, ia telah mengalami pelbagai fasa pembangunan sehingga menjadi satu pasukan yang mempunyai aset-aset maritim yang berkuasa dan berteknologi tinggi serta para anggota yang tangkas dan berkaliber.

Dengan kapasiti dan kebolehan sedia ada, dapatkah TLDM bersaing dengan tentera-tentera laut di Asia Tenggara dan mematahkan ancaman keselamatan maritim serta memenuhi pelbagai tanggungjawabnya?





Courtesy IHS Jane's Defence Weekly.

Gambar satelit kerja penambakan China di Kepulauan Spratly.

Oleh yang demikian, TLDM harus sentiasa peka terhadap persekitarannya dan perkembangan dalam bidang-bidang yang mempunyai kesan terhadap operasi, aset dan sumber manusianya. Suasana mencabar di Laut China Selatan dan Selat Melaka yang masih terdedah kepada ancaman bukan konvensional seperti pelanunan, penyeludupan, migrasi dan penangkapan ikan secara haram menuntut TLDM untuk terus membangunkan aset, modal insan mahupun armadanya supaya sentiasa siap siaga. TLDM juga harus sentiasa mempertajam strateginya serta membuat penilaian diri yang objektif bagi memastikan ia sentiasa kompetitif dan berada pada tahap kesiagaan yang optimal bagi memelihara keselamatan serta kedaulatan maritim negara.

Di kala *naval build-up* sedang rancak di Asia Tenggara, pengurusan TLDM harus sentiasa merancang program latihan yang relevan secara kerap untuk mempersiapkan para anggotanya menghadapi pelbagai cabaran, tanggungjawab dan situasi baru di luar jangka di medan perjuangan dan semasa *peacetime*. Selain daripada itu, TLDM perlu

mempunyai anggota-anggota yang cekap dan terlatih yang mempunyai *seamanship* serta kebolehan berkomunikasi yang baik dan berpengetahuan dalam bidang ketenteraan. Ini penting bagi menyokong dasar luar negara yang berpaksikan keamanan serta hubungan baik dengan semua negara tetapi tidak berkompromi dalam menegakkan kepentingan kita sebagai sebuah negara berdaulat.

Insha Allah, dengan visi dan pengurusan berwibawa pucuk pimpinan TLDM, sokongan padu kerajaan dan rakyat serta komitmen tidak berbelah bahagi serta usaha gigih para anggotanya, TLDM akan sentiasa siaga di pentas *naval build-up* di Asia Tenggara. Kita rakyat Malaysia sentiasa mendoakan moga TLDM dapat memenuhi amanah yang diberikan kepadanya dan memelihara keselamatan serta keutuhan wilayah maritim ibu pertiwi tercinta. 🇲🇾



Penulis mengalu-alukan maklum balas pembaca terhadap nukliannya di [nazerykhalid@gmail.com](mailto:nazerykhalid@gmail.com)

Gambar penambakan China di Terumbu Mischief pada Mei 2015.

Sumber: Pool/Reuters



# PEMBANGUNAN COMBAT MANAGEMENT SYSTEM

OLEH Lt Kdr Mohd Yusri bin Othman TLDM

## ERA BAHARU INDUSTRI PERTAHANAN TEMPATAN

**C**ombat Management System (CMS) atau Sistem Pengurusan Tempur merupakan satu sistem yang berperanan untuk mengawal penderia, penjejak dan persenjataan supaya lebih pantas dan berkesan dalam melaksanakan misi tempur. CMS mengintegrasikan sistem penderia, penjejak, persenjataan dan peralatan sokongan navigasi untuk menghasilkan sebuah sistem pengurusan pertempuran kapal perang yang bersepadu.

Selaras dengan hasrat Kementerian Pertahanan untuk mengukuhkan peranan industri pertahanan tempatan, TLDM telah bekerjasama dengan syarikat tempatan bagi melaksanakan Pembaikan dan Naik Taraf CMS KD JEBAT bagi menggantikan CMS yang telah usang. Projek ini adalah direalisasikan melalui kerjasama antara Boustead Naval Shipyard Sdn Bhd (BNSSB) dan Syarikat Marine Crest Technology Sdn Bhd (MCTSB).

Projek ini turut melibatkan kolaborasi antara MCTSB dan syarikat C2C DBS Ltd dari India. Kolaborasi ini membolehkan pemindahan teknologi dan pengetahuan kepada industri tempatan berlaku. Adalah dijangkakan, kebergantungan kepada syarikat dan produk dari negara luar dapat dikurangkan di masa hadapan selain mampu menjimatkan kos perolehan dan selenggaraan.

## PELAKSANAAN

Projek Pembaikan dan Naik Taraf CMS melibatkan lima fasa utama iaitu Pembangunan Perisian (*Software Development*), Pembangunan Rangkaian (*Network Development*), Pembangunan Peralatan (*Hardware Development*), Integrasi (*Integration*) dan Pengujian (*Testing*).

**1 FASA PEMBANGUNAN PERISIAN.** *Human-Machine Interface* (HMI) dibangunkan berlandaskan ciri dan keupayaan CMS terdahulu, dengan beberapa penambahbaikan supaya mesra pengguna dan lebih interaktif dengan *Graphic User Interface* (GUI). Terdapat 17 kategori modul fungsi yang dibangunkan

iaitu *generic, graphic, track management, equipment, navigation, electronic warfare, anti-air warfare, anti-subsurface warfare, anti-submarine warfare, aircraft control, warfare, user management, recording, maintenance, simulator, ECDIS* dan *data link*.

TLDM telah melantik Tim Khas Pembangunan CMS KD JEBAT untuk melakukan validasi terhadap CMS yang dibangunkan. Semakan ini bertujuan untuk memastikan kesesuaian modul-modul fungsi yang dibangunkan memenuhi tatacara dan *Standard Operating Procedure* (SOP) yang diguna pakai oleh TLDM. Proses validasi perisian dilaksanakan dalam empat peringkat iaitu *Build 1, Build 2, Build 3* dan *Build 4*.

## 2 FASA PEMBANGUNAN RANGKAIAN.

Penentuan rangkaian CMS sangat penting dalam memastikan pengoperasian sistem sentiasa stabil, lancar dan konsisten. Perkara yang dititikberatkan semasa pembangunan rangkaian adalah "*redundancy*" di mana sistem berupaya untuk mengekalkan pengoperasian setiap masa walaupun peralatan sokongan dan rangkaian mengalami masalah. CMS menyediakan perintah bersepadu dan kemudahan kawalan melalui *Dual Redundant Ethernet Highway* yang menghubungkan penderia, penjejak, peralatan sokongan navigasi dan persenjataan senjata dengan *Multi-Function Console* (MFC) yang membolehkan pengguna berinteraksi dengan CMS dalam melaksanakan misi tempur.

"A number of new technologies and innovations were introduced in new system surely will have some hiccups before it reaches stability"

~ Lt Kdr Mohd Yusri

**3 FASA PEMBANGUNAN PERALATAN.** Sejarah hasrat untuk menyokong industri pertahanan tempatan, pemilihan perkakasan yang berkonsepkan *Commercial Off-the-Shelf (COTS)* sangat penting dalam memastikan kos perolehan perkakasan gantian dan senggaraan kelak tidak rumit serta membebaskan. Perkakasan utama yang dipilih perlu mematuhi "*Military Standard*" kerana sistem ini dioperasikan di kapal perang.

**4 FASA INTEGRASI.** Kerja-kerja integrasi adalah perkara yang paling kritikal dan mencabar memandangkan sebahagian peralatan-peralatan sokongan sedia ada adalah peralatan lama dan telah mengalami keusangan. *Interface Control Document (ICD)* adalah maklumat penting dalam proses integrasi. Antara kaedah yang diguna pakai untuk mengesahkan ICD adalah secara *reverse engineering* atau *re-engineering* disebabkan ketiadaan maklumat lengkap pada sistem lama tersebut. Proses ini dilaksanakan oleh jurutera mahir tempatan bersama jurutera mahir dari luar negara. Proses ini telah menzahirkan *Transfer of Technology (TOT)* yang amat berguna pada masa hadapan.

**5 FASA PENGUJIAN.** Prosedur ujian dibangunkan bagi memastikan sistem ini diuji sebaik mungkin sebelum ia boleh diterima. Fasa ini merangkumi tiga peringkat iaitu *Harbour Acceptance Trials (HAT)*, *Sea Acceptance Trials (SAT)* dan *Live Firing Trials (LFT)*. Pada peringkat ini, kemampuan, keupayaan serta prestasi sebenar CMS dapat diukur dan dinilai.

Kejayaan projek ini akan memberikan impak yang besar kepada industri pertahanan tempatan. Negara tidak lagi perlu bergantung kepada produk negara luar dalam menentukan kesiagaan aset pertahanannya. Ianya secara langsung membuktikan keupayaan jurutera tempatan dalam bidang ini. 📍

### **Fire Control Radar Optical**

Sistem penjejak gabungan radar dan optik berkeupayaan mengunci sasaran udara dan permukaan bagi penembakan meriam.

### **Search Radar**

Radar pengawasan jarak sederhana berkeupayaan mengesan sasaran permukaan dan udara sebagai input kepada Sistem Kawalan Tempur (CMS).

### **Navigation Radar**

Radar pandu arah berkeupayaan mengesan kontak permukaan jarak sederhana untuk memandu pelayaran.

### **Combat Information Centre**

Pusat Informasi Tempur di mana operasi pengesanan, taktik peperangan dan pertempuran dikendalikan.

PENDERIA, PENJEJAK  
DAN PERSENJATAAN

# KD JEBAT

### **Missile Exocet MM40**

Misil jarak jauh berkeupayaan memusnah sasaran permukaan (kapal).



### **Target Designation Sight**

Sistem optik yang menyalurkan data dongakan (elevation) dan arah (bearing) bagi sasaran udara dan permukaan kepada Sistem Kawalan Tempur (CMS).



### **Decoy Launching System**

Sistem pengumpan bagi menghindari kapal dari serangan misil.




### **Fire Control Electro Optical**

Sistem penjejak gabungan laser dan optik berkeupayaan mengunci sasaran udara dan permukaan.



### **Surveillance Radar**

Radar pengawasan jarak jauh berkeupayaan mengesan sasaran udara dan permukaan sebagai input kepada Sistem Kawalan Tempur (CMS).



### **Medium Calibre Gun**

Meriam kaliber sederhana berkeupayaan memusnahkan sasaran udara, permukaan dan misil.



### **Missile Sea Wolf**

Misil jarak dekat berkeupayaan memusnah pesawat dan misil musuh.



### **Small Calibre Gun**

Meriam kaliber kecil berkeupayaan memusnahkan sasaran udara dan permukaan jarak dekat.

### **Torpedo Launching System**

Sistem pelancar torpedo berkeupayaan memusnahkan sasaran permukaan (kapal) dan bawah permukaan (kapal selam) jarak sederhana.



Ahli Jawatankuasa Teknikal SCUFN bersama Timbalan Menteri Pertahanan di Majlis Perasmian Mesyuarat SCUFN 32.

## TLDM LAHIRKAN **PAKAR HIDROGRAFI BERTARAF DUNIA**

**OLEH** Sel Komunikasi Strategik, Pusat Hidrografi Nasional

**A**pabila bercerita mengenai hidrografi, kebanyakan kita akan bertumpu kepada penerbitan carta serta publikasi nautika. Ianya adalah benar! Perkhidmatan hidrografi bertanggungjawab mengeluarkan dokumen rasmi negara melalui penerbitan carta dan publikasi nautika untuk keselamatan navigasi. Malah, hidrografi juga amat penting untuk menyokong aktiviti-aktiviti lain seperti eksplorasi dan eksploitasi sumber marin, pengurusan dan perlindungan alam sekitar, persempadanan maritim, keselamatan dan pertahanan maritim, permodelan inundasi tsunami, pengurusan zon pesisir pantai, infrastruktur data spasial marin, pelancongan dan sains marin.

Tanpa hidrografi, kemalangan kapal di laut akan lebih kerap berlaku kerana halangan, batuan yang berbahaya dan karaman tidak dicartakan. Hal ini akan mengakibatkan kematian hidupan laut akibat kesan pencemaran daripada tumpahan minyak serta memusnahkan ekosistem alam sekitar marin.

Dunia tanpa hidrografi, tidak akan menjamin keselamatan pelayaran di lautan malah memberi impak yang negatif kepada ekonomi dunia di mana 90% perdagangan dunia adalah menggunakan jalan laut. *The Navy People* patut bangga kerana tred ini bertanggungjawab menyediakan perkhidmatan hidrografi bukan sahaja untuk keperluan ketenteraan, tetapi juga turut digunakan oleh komuniti maritim tempatan dan seantero dunia. Di Malaysia, pengumpulan data-data hidrografi telah dilaksanakan oleh TLDM sejak 54 tahun lalu selepas



**Laksma Dr. Najhan (kanan) – Pengarah Kanan Hidrografi dipilih menganggotai Ahli Jawatankuasa SCUFN pada April 2018.**

pengunduran aset-aset Tentera Laut Diraja British. TLDM telah dilantik sebagai agensi yang layak dan bertanggungjawab melaksanakan pengukuran hidrografi di seluruh perairan Malaysia secara rasmi melalui Keputusan Jemaah Menteri pada 31 Oktober 1972. Melalui keputusan tersebut, TLDM telah menubuhkan Cawangan Hidrografi TLDM (CHTLDM) yang kemudiannya telah dinaik taraf sebagai Pusat Hidrografi Nasional (PHN) pada tahun 2005 berikutan peningkatan tugas dan tanggungjawab di peringkat nasional dan antarabangsa.

Selari dengan kemajuan teknologi pengukuran serta permintaan data hidrografi beresolusi tinggi yang semakin meningkat, obligasi dan tanggungjawab PHN semakin meluas. Bertitik tolak daripada itu, PHN telah diberi mandat dan kepercayaan menguruskan dan menganggotai beberapa jawatankuasa di peringkat kebangsaan dan di






**KD MUTIARA**



**KD PERANTAU**



pentas antarabangsa. Salah satu tanggungjawab semasa PHN yang agak signifikan adalah sebagai Pengerusi Kumpulan Kerja Nama Pulau dan Entiti Geografi (KKNPEG). Kumpulan Kerja yang dibentuk di bawah Jawatankuasa Nama Geografi Kebangsaan (JNGK) ini bertanggungjawab dalam mengurus tadbir nama geografi bagi pulau-pulau dan juga entiti geografi marin sama ada di laut mahupun tasik dan sungai.

Tugas dan tanggungjawab bagi KKNPEG ini sebenarnya agak mencabar kerana ianya merangkumi obligasi menamakan semua fitur dasar laut yang terletak dalam perairan negara seperti *seamount, hill, canyon, knoll, guyot, ridge* dan lain-lain lagi. Dalam erti kata mudah, kebanyakan fitur di daratan turut wujud di dasar laut. Cuma perbedaannya, fitur dasar laut perlu dikesan atau dicari, berbanding fitur di daratan yang mudah terlihat kewujudannya.


Sebagai contoh, untuk fitur dasar laut yang terletak di luar perairan Wilayah Laut (melebihi 12 batu nautika dari pantai), proses penamaan harus mendapat kelulusan sebuah jawatankuasa antarabangsa iaitu *Sub-Committee on Undersea Feature Names* (SCUFN). SCUFN sebenarnya dibentuk daripada gabungan dua pertubuhan antarabangsa iaitu *International Hydrographic Organization* (IHO) dan *Intergovernmental Oceanographic Commission* (IOC). Kedua-dua pertubuhan ini adalah organisasi yang berkait rapat dengan urus tadbir data-data marin termasuk maklumat fitur

dasar laut di peringkat global. Secara umumnya, SCUFN bertanggungjawab terhadap penamaan fitur dasar laut dan juga penyeragaman nama geografi yang dimohon oleh negara berpantai.

Penglibatan aktif dan kepakaran dalam bidang penamaan fitur dasar laut di pentas antarabangsa sejak 2013, telah mula mendapat pengiktirafan global apabila Laksamana Pertama Dr. Najhan bin Md Said dipilih oleh IHO pada 18 April 2018 untuk menganggotai SCUFN bagi tempoh 5 tahun. Pemilihan ini bukan sahaja membanggakan TLDM dan ATM, malah telah menjulang nama negara kerana beliau merupakan anak Malaysia pertama yang terpilih menjadi Ahli Jawatankuasa SCUFN sejak ia ditubuhkan pada 1993. Pada tahun ini, telah terpatih nama Malaysia dalam siri penganjuran mesyuarat SCUFN di mana Kuala Lumpur telah menjadi tuan rumah Mesyuarat SCUFN ke-32. Mesyuarat tersebut dianjurkan secara bersama oleh TLDM dan Petroleum Nasional Berhad (PETRONAS) dan telah dirasmikan oleh Yang Berhormat Senator Liew Chin Thong, Timbalan Menteri Pertahanan pada 5 Ogos 2019 di *Kuala Lumpur Convention Centre* (KLCC). Yang Berhormat Senator turut

merakamkan penghargaan kepada PHN atas usaha berterusan dalam melaksanakan aktiviti pengukuran dan mentadbir urus data-data marin geospasial dengan sangat baik.

Mesyuarat yang berlangsung selama lima hari ini telah merekodkan kehadiran wakil luar negara yang tertinggi dalam sejarah SCUFN di mana 35 perwakilan antarabangsa telah hadir. Perwakilan ini adalah terdiri daripada Ahli Jawatankuasa SCUFN dan juga pemerhati. Untuk rekod, sebanyak 187 permohonan nama fitur dasar laut telah dinilai dan diterima oleh Ahli Jawatankuasa pada mesyuarat kali ini. Pada mesyuarat tersebut, satu fitur dasar laut yang terletak di perairan negara iaitu Bidayuh Hill telah diterima dan digazetkan dalam pangkalan data fitur dasar laut dunia. Berdasarkan rekod, sebanyak tujuh fitur dasar laut di perairan negara telah berjaya digazetkan.

Semanganya pencapaian tred kepakaran hidrografi dalam penamaan fitur dasar laut perlu dibanggakan oleh segenap lapisan *the Navy People*. Pencapaian cemerlang ini boleh dijadikan tanda aras dan indikasi kualiti yang dimiliki oleh TLDM dan ATM yang sentiasa komited menjadi yang terbaik. 

# WIRA DI PERUT KAPAL

OLEH PW I PRL Normahaily binti Mohd Nor

FOTO PW I TLR Azaari bin Mohamad Sarip

**K**etika Stesen Petugas Khas Laut merapat untuk kapal bersauh, panggilan telefon dari *bridge* (anjungan) ke *Damage Control Headquarters* (DCHQ) memecah suasana.

"MEO tuan, CO panggil ke *bridge*." Pegawai Jurutera Marin atau *Marine Engineering Officer* (MEO) bergegas ke lokasi yang diarahkan.

"MEO tolong *check aircond* di *bridge* ni, tak sejuklah. Semasa bersauh nanti pastikan pembaikan *main engine starboard* dibuat segera."

"*I want maximum speed tomorrow* dan jangan lupa setiba kapal di pelabuhan minggu depan, pastikan pembaikan *prime mover generator* selesai. Kita nak belayar lama lepas ni," ujar Pegawai Memerintah atau *Commanding Officer* (CO).

"*Aye-aye Sir. Permission to carry out checks on the air conditioning system Sir,*" balas MEO.



Kerja-kerja senggaraan piping cooling system.

Perasaan bercampur baur. Melangkah ke *Machinery Control Room* (MCR), sudah tergambar pelbagai macam tugas yang perlu diselesaikan. Dengan pakaian senyawa atau *overall*, MEO mengarahkan anggota Jabatan *Mechanical Engineering* (ME) untuk bersamanya memeriksa *Air Compressor Unit* (ACU) sepertimana arahan CO sebentar tadi.

## TERDEDDAH RISIKO

Tidak ramai yang memahami keadaan dan tugas anggota ME yang saban waktu bergelumbang dengan situasi yang amat tidak selesa. Lebih-lebih lagi di bilik jentera yang sempit dan panas, dihindari pula bunyi jentera dan mesin yang bingit serta bau minyak pelincir dan diesel yang memenuhi segenap ruang. Malahan mereka sentiasa berdepan





Keja-kerja senggaraan sistem gear box.



Memeriksa dan membuka *under water strainer* jentera utama.



persekitaran bahaya; terdedah kepada minyak, bahan kimia, gas beracun dan peralatan bergerak semasa melakukan kerja-kerja senggaraan dan pengawasan.

Lebih teruk lagi, jika kapal tersadai di tengah laut bergelora semasa cuaca buruk. Dengan keadaan kapal berbau-buai dibadai ombak, mereka yang berada di perut kapal seakan 'berpesta' mabuk laut. Tiada apa yang mampu dilakukan, hanya pasrah dan berdoa untuk cepat-cepat sampai ke pelabuhan.

### KESABARAN TERUJI

Insiden *total power failure* atau *blackout* cukup untuk membuatkan anggota ME trauma, lebih-lebih lagi jika berlaku pada waktu malam semasa kapal sedang menjalankan operasi. Meskipun di kapal yang dilengkapi sistem terkini dan canggih, tidak mustahil ada kalanya sistem ini gagal berfungsi. Keseluruhan operasi kapal boleh terhenti serta-merta dan kawalan

kemudi turut gagal. Di sini kecekan dan kesabaran anggota ME benar-benar teruji.

### PANTAU, SELENGGARA KAPAL SEBILANG MASA

Tugas anggota ME tiada hentinya, sedang kru lain lena diulit mimpi mereka sentiasa 'bersedia' untuk memastikan kapal sentiasa stabil dan aspek *habitability* untuk warga kapal terjaga. Pengoperasian setiap peralatan dilakukan mengikut spesifikasinya supaya tidak melebihi limit yang telah ditetapkan oleh *Original Equipment Manufacturer* (OEM). Sistem pendingin hawa, bekalan air dan minyak juga diperiksa agar beroperasi dengan baik serta mencukupi sama ada ketika kapal berada di pelabuhan apatah lagi ketika di dalam pelayaran. Bukan setakat kerja memantau, bahkan senggaraan perlu dilakukan sebilang masa. Tidak habis di situ, mereka masih perlu bergelumang dengan minyak hitam sekembalinya kapal ke pelabuhan

sedang kru lain boleh pulang dan berjumpa keluarga.

### PERANAN TIDAK MENONJOL

Percaya atau tidak, anggota ME sentiasa memikirkan bagaimana status ACU, *sewage*, *hot water*, *ventilation* dan *fire main system* walaupun mereka tidak berada di kapal ketika itu. Satu panggilan telefon daripada anggota yang bertugas boleh menyebabkan mereka terpaksa bermalam di kapal untuk melakukan kerja-kerja pembaikan.

Namun, peranan watak penting ini kurang ditonjolkan. Malah secara tidak sengaja mereka seperti dilupakan tatkala kisah kejayaan operasi rancak dibualkan. Umum sering nampak fungsi Tim Anjungan mengemudi kapal keluar masuk pelabuhan dan begitu teruja menyaksikan kehebatan tim *Combat Information Centre* semasa penembakan peluru berpandu. Tidak kurang juga pujian buat tim tukang masak di *galley* yang menambatkan selera tetamu pada majlis resepsi.

### TO FLOAT- TO MOVE-TO FIGHT

Banyak episod keberanian dan pengorbanan anggota ME yang tidak didendangkan, malah tidak ramai yang tahu. Memikirkan tanggungjawab, insan comot di dunia *underworld* ini sentiasa bersedia untuk sebarang kemungkinan dengan mengutamakan kesiapsiagaan kapal bagi merealisasikan moto keramat; *To Float-To Move-To Fight*. 📍







**Benteng Hadapan Pertahanan Negara**  
KD TUNKU ABDUL RAHMAN di perairan  
Pulau Layang-Layang





# Kami Menjual serta Membeli Jongkong dan Dinar Emas Public Gold DAPATKAN SEKARANG!


Untuk maklumat lanjut kunjungi cawangan  **Ar-RahnuKT**  
PERKHIDMATAN PAJAK GADAI

 Ar-RahnuKT Sungai Besi  
No 57, Jalan Tasik Utama 4,  
The Trillium Lakefields,  
Sg Besi.

 03-90545900

 Ar-RahnuKT Wangsa Maju  
No. 25, Jalan Wangsa Delima 1A,  
Pusat Bandar Wangsa Maju,  
Kuala Lumpur.

 03-41420613

 Ar-RahnuKT Subang Perdana  
No. 6, Jalan Dinar D U3/D,  
Seksyen U3, Taman Subang Perdana,  
Shah Alam.

 03-78400296



Istiadat mengibarkan panji-panji.

## TRADISI PENGHORMATAN DI GELADAK SUKU

OLEH Kdr Azahar bin Ngah Ahmad TLDM

**A**dat. Meskipun di era ini ada adat dan tradisi (*customs and traditions*) yang kian dilupakan, tetapi TLDM masih tetap utuh memelihara dan mengamalkan adat tradisi terutamanya menghormati **Geladak Suku**.

### APA ITU GELADAK SUKU?

Di kapal, Geladak Suku adalah ruang geladak atau dek yang terletak di bahagian paling belakang. Di kawasan ini istiadat menaik dan menurunkan bendera dilakukan setiap hari di awal pagi dan ketika matahari terbenam.

Menjadi tradisi apabila seseorang menaiki sesebuah kapal TLDM, ia harus memberi penghormatan ke arah geladak belakang, kepada bendera (ensign) TLDM secara khususnya. Penghormatan ini sebenarnya tidak hanya diberikan kepada ensign TLDM yang berkibar, tetapi juga kepada geladak itu sendiri.

Setiap anggota tentera laut yang melangkah masuk ke *gangway* dari titian perlu berdiri tegak dan memberi tabik hormat sebaik sahaja memijakkan kaki ke kapal. Begitu juga apabila keluar daripada kapal, anggota tentera laut perlu berdiri tegak dan memberi tabik hormat sebelum melangkah keluar *gangway* (*Gangway* adalah laluan keluar-masuk yang menghubungkan kapal dengan titian ke jeti atau laluan keluar masuk dari kapal ke kapal bersebelahan).

Di pangkalan-pangkalan TLDM, Geladak Suku biasanya terletak berhampiran padang kawad yang berada dalam unit-unit bertaullah seperti KD PELANDOK. Di kawasan ini pelbagai upacara istiadat tentera laut dilaksanakan. Mereka yang melalui kawasan ini, sebaik sahaja memijakkan kaki di dataran *Geladak Suku* perlu berhenti sejenak, berdiri tegak dan mengangkat tangan memberi tabik hormat sebelum meneruskan langkah dengan kaki kiri. Adat dan tradisi ini pastinya akan mengundang padah kepada yang ingkar melaksanakannya kerana tindakan tatatertib boleh diambil.



### MENGAPA GELADAK SUKU PERLU DIHORMATI ?

*Geladak Suku* dianggap sebagai tempat kekuasaan tertinggi di kapal. Di geladak inilah biasanya diadakan upacara-upacara istiadat dan juga perbarisan ketenteraan. Untuk pengetahuan, geladak suku ini dihormati kerana menghormati gada-gada (penant) tauliah yang dikurniakan oleh SPB YDP Agong ke atas pangkalan dan kapal TLDM. 🇲🇾

# THE NAVY PEOPLE







# THE NAVY PEOPLE









## GLORIOUS PAST OF MALAY SEAFARERS

BY Lt Cdr Assoc Prof Dr Mohd Hazmi Mohd Rusli RMNVR

### INTRODUCTION

The people of the Malay race were great seafarers and had expanded their influence in the Malay Archipelago through a number of maritime empires that once dominated Southeast Asia. Facilitated by the concept of the open seas (*mare liberum*), trade flourished among kingdoms within this region.

The Malays have been advocating *mare liberum* or freedom of the seas long before it was propagated by Hugo Grotius, a renowned Dutch scholar whom most have regarded as the father of international law. Is freedom of the seas in the Malay Archipelago a forgotten 'international custom' under the modern law of the sea?

### MARITIME-PORT EMPIRES OF THE MALAY ARCHIPELAGO

Based on archaeological findings, the earliest Malay port that existed within the Malay Archipelago was Takuapa, or Langkasuka, which emerged sometime in the third century AD. By the fifth century AD, the Jiecha Kingdom, otherwise known as the Old Kedah was established in areas south of the modern day Malaysian State of Kedah. Jiecha was once a prosperous transit port for ships from Arabia, Persia and India, before continuing their voyage to the East. The people of Jiecha were actively engaged in trade with foreign merchants. By the seventh century AD, however, Pan-Pan, Langkasuka and Jiecha were subjugated to the dominance of the powerful Malay kingdom of Srivijaya. Srivijaya, participated actively in a growing world economy at that time

and prospered well by engaging in extensive commerce in camphor, cloves, sandalwood, nutmegs and other valuable commodities with traders and merchants from different parts of Asia namely China, India and the Middle-East.

Centuries later, the Malacca Sultanate prospered until 1511 as a crucial link in world trade. It was said that the population of the port of Malacca before the fall of the Sultanate was probably around 100,000, and thus was as large as other European cities at that time such as Naples and Paris. Malacca's glorious moments were short-lived with the arrival of the Portuguese in the region in the early sixteenth century. The fall of Malacca led to the establishments of a number of relatively influential Malay empires namely Johor, Aceh and Gowa.

### CONCLUSION

These brief historical episodes have shown that the Malays have been practicing *mare liberum* in engaging trade with other nations long before Hugo Grotius came up with that concept.

As skillful seafarers, the Malays have, in the past dominated the seas. During its golden epoch, the influence of the Malay kingdom of Srivijaya was so great that it reached as far as Madagascar to the west. The Malays, particularly the Makassarese have also sailed to Arnhem Land in Australia to trade with the aboriginal community as early as the seventeenth century AD.

This should not forever be left forgotten. The glorious past of the Malay seafarers must be revived in our modern Malaysia towards realising the vision of becoming a respected maritime nation. 🌐

Lt Cdr Assoc Prof Dr Mohd Hazmi Mohd Rusli RMNVR is an associate professor at Universiti Sains Islam Malaysia and a visiting professor at School of Law, Far Eastern Federal University, Vladivostok, Russia.

Selamat Datang

PENGERUSI JEMAAH TERTINGGI BAKAT ATM  
KE  
PPDK LUTAN KASIH TLDM  
2023  
RAM 1

BAKAT



Sekilas  
Sambutan  
Hari ATM  
ke-86  
di Lumut





# BAKAT LAUT TERUS AKTIF

Pertambahan  
**154**  
 aktiviti  
 pada 2019

**OLEH** Lt Kdr Norma Hanim binti Pandak Mahashim TLDM  
**FOTO** Arkib

**B**AKAT telah ditubuhkan sejak zaman pemerintahan kolonial lagi dan ahlinya terdiri daripada para isteri anggota tentera. Penuhannya bertujuan untuk menjaga kebajikan dan hal ehwal keluarga anggota tentera, membantu membimbing ahli dalam pelbagai aspek untuk menjadi isteri dan ibu yang baik serta dapat meningkatkan silaturahim dalam kalangan ahlinya. Ketika itu, persatuan ini dikenali dengan nama Kelab Keluarga dan dipecahkan kepada tiga komponen iaitu Darat, Laut dan Udara dengan ditadbir oleh perkhidmatan masing-masing.

Pada 1 Jun 1976, Kelab Keluarga telah disusun semula dalam satu organisasi yang lebih teratur dan berperlembagaan dengan nama Persatuan Isteri-isteri Tentera Darat (PERISAD), Persatuan Isteri-isteri

Tentera Laut (PERISTELA) dan Persatuan Isteri-isteri Tentera Udara (PERISTU). Namun bermula 1 Oktober 1979, ketiga-tiga persatuan telah digabungkan menjadi sebuah organisasi yang besar dikenali Badan Kebajikan Keluarga Angkatan Tentera, atau ringkasnya BAKAT, dengan slogan Bersama Berbakti (Together We Serve). Bagi tujuan pengenalan, nama BAKAT ditambah dengan perkhidmatan masing-masing iaitu BAKAT Darat, BAKAT Laut, BAKAT Udara dan BAKAT Gabungan ATM.

Sesuai dengan objektif asal penubuhannya, BAKAT Laut sentiasa mengadakan program-program bermanfaat untuk ahlinya. Sepanjang tahun ini, peningkatan ketara dapat dilihat daripada bilangan aktiviti serta jumlah kehadiran ahli di semua pusat aktiviti BAKAT Laut serata Malaysia.

Tahun 2019 juga menyaksikan BAKAT Laut menggiatkan usaha membantu para isteri menambah pendapatan keluarga untuk menampung kos sara hidup yang kian meningkat. Program dijalankan dengan




Bersama Berbakti.

kerjasama Perbadanan Hal Ehwal Bekas Angkatan Tentera (PERHEBAT) untuk ahli BAKAT Laut yang berminat menceburi bidang keusahawanan. Menariknya, kos perbelanjaan kursus ditanggung sepenuhnya oleh BAKAT Laut. Sehingga kini seramai tujuh ahli telah berjaya mengikuti program seperti jahitan pakaian, jahitan sulam manik, tudung tampan *diamond*, aneka biskut dan roti.

Semoga di tahun 2020, BAKAT Laut akan terus gigih melaksanakan program-program berkualiti dan giat berbakti untuk manfaat ahli-ahlinya. 🍀

Siri	Aktiviti	2018	2019
1.	Kebajikan	116	226
2.	Keagamaan/Kerohanian	50	42
3.	Pendidikan/Kesihatan/Kraftangan Masakan	100	136
4.	Sosial/Kebudayaan/Kesenian	37	30
5.	Sukan/Riadah	32	27
6.	Pentadbiran/Pengurusan/Am	85	113
	<b>Jumlah</b>	<b>420</b>	<b>574</b>



# INISIATIF PELAN PENDIDIKAN FAEDAH KEPADA PELAJAR, IBU BAPA

**OLEH** Mej Shahfizal bin Khairudin dan  
Lt Kdr Mohamad Badri bin Muhammad Zaini TLDM

**P**ada 6 Ogos yang lalu, Panglima Angkatan Tentera telah menyempurnakan Majlis Anugerah Kecemerlangan Pendidikan (AKP) ATM Ke-29 bagi tahun 2019 bertempat di Auditorium Kementerian Pertahanan.

Penerima AKP bagi tahun ini melibatkan seramai 561 pelajar yang merupakan anak-anak ATM dari seluruh Malaysia. Seramai 64 pelajar merupakan anak-anak *the Navy People*, dengan pecahan kategori iaitu 33 penerima PT3, 20 penerima SPM dan 11 penerima IPTA.

Dalam usaha memastikan setiap warganya mendapat pendidikan terbaik, ATM khususnya dan TLDM sentiasa merancang pelbagai inisiatif melalui pelan pendidikan yang dilaksanakan oleh Jabatan Arah Pendidikan.

Antara program yang dilaksanakan adalah Kelas Bimbingan Sekolah dalam Kem, Program Tuisyen Secara *Online*, Program Kelas Abad Ke-21 dan juga Program Kecemerlangan ATM/PERNAMA yang turut melibatkan *the Navy People*. Seterusnya pengiktirafan pencapaian akademik anak warganya diraikan melalui majlis ini.

Program Kelas Bimbingan Sekolah melibatkan 38 buah sekolah seluruh kem di Malaysia termasuk enam buah sekolah di Pangkalan TLDM dengan pecahan dua buah sekolah menengah dan empat buah sekolah rendah. Yuran bulanan program dibiayai oleh Tabung Kebajikan Angkatan Tentera (TKAT) sebanyak 50 peratus dan bakinya sahaja dibayar oleh ibu bapa. Dengan kemudahan ini, anak-anak mendapat faedah bimbingan kelas tambahan

di luar jadual persekolahan dengan kadar yang tidak membebankan ibu bapa.

Program Tuisyen Secara *Online* bermula pada tahun 2017 melibatkan semua anak-anak ATM yang bersekolah di dalam dan luar kem di seluruh Malaysia. Program ini dibiayai oleh Lembaga Tabung Angkatan Tentera (LTAT) dan Jabatan Arah Pendidikan. Penggunaan *user ID* dan kata laluan diperlukan untuk mengakses portal [hometutor.com.my](http://hometutor.com.my). Secara tidak langsung, kemudahan ini dapat dimanfaatkan secara percuma oleh anak-anak *the Navy People*.

Program Kelas Abad ke-21 merupakan inisiatif baharu ATM dan dilaksanakan secara berperingkat di semua sekolah dalam kem seluruh Malaysia. Kelas Abad ke-21 menyediakan kemudahan persekolahan yang antara lain mengaplikasikan pembelajaran maya dan meningkatkan keupayaan anak-anak ATM untuk mengakses pelbagai maklumat pembelajaran yang bersesuaian bagi meningkatkan minat mereka dalam menuntut ilmu.

Program Kecemerlangan ATM/PERNAMA adalah program tahunan yang dianjurkan dengan kerjasama ATM dan Perwira Niaga Malaysia (PERNAMA). Program yang dilaksanakan sejak tahun 2001 ini terdiri daripada beberapa aktiviti antaranya Motivasi Kecemerlangan Pendidikan bagi UPSR, PT3 dan SPM, *Parenting Skills* dan *Summer Camp*. Antara unit penganjur TLDM bagi kesemua aktiviti ini adalah KD MALAYA, KD SRI SANDAKAN, KD SRI KOTA KINABALU, MAWILLA 1 dan MAWILLA 3.

Inisiatif yang telah dirancang oleh Jabatan Arah pendidikan dan dilaksanakan melalui sekolah dan Pejabat Pendidikan Pangkalan seharusnya digunakan sepenuhnya oleh *the Navy People* untuk memastikan pencapaian akademik anak-anak lebih cemerlang di masa akan datang. 📌



# ISTIMEWA UNTUK ANDA, WARGA ATM!



## Promosi Mai Beli

- ✓ Promosi hujung bulan
- ✓ Harga istimewa 7 hari



## Produk Rendah Sepanjang Masa (RSM)

- ✓ Promosi sepanjang tahun
- ✓ Pelbagai pilihan barangan
- ✓ Jimat sepanjang masa



## Promosi Jom Rabu

- ✓ Promosi setiap hari Rabu
- ✓ Harga istimewa pertengahan minggu

Berbelanjalah dengan kami di PERNAMA



SUKAN



Eco Challenge 2019.

## ELAK GEMUK PUNCA LT KDR NADIAH CEBURI SUKAN LASAK


**OLEH** Lt Kdr Norma Hanim binti Pandak Mahashim TLDM  
**FOTO** PW II KOM Shapilin bin Dolmat

**M**enjadi kelaziman kebanyakan wanita, seringkali timbul kegusaran terhadap masalah berat badan. Begitu juga dengan Lt Kdr Nadiah binti Zul-Qarnain TLDM terhadap berat badannya. Selepas mengalami peningkatan berat badan mendadak selepas bersalin anak sulungnya pada 2012, beliau mula melibatkan diri dalam bidang sukan lasak secara serius.

Bermula dengan menunggang kuda dan berenang, kini hobinya itu dikongsi bersama suami dan anak. Malahan semasa bertugas di Sabah beliau pernah memiliki dua ekor kuda yang sangat membantu untuk berlatih dan menyertai pertandingan lumba kuda jarak jauh.

Bermula 2016, beliau telah menyertai beberapa pertandingan larian yang dianjurkan di sekitar Sabah. Berbekalkan minat yang mendalam ini, beliau akhirnya terlibat secara aktif dalam acara triathlon dan aquathlon sejak 2018.

Menjadikan latihan kecergasan sebagai rutin harian, Lt Kdr Nadiah berlari (5-10km), berenang (2km), berbasikal dan *fit ball* bagi mengekalkan kecergasan. Terakhir, beliau telah menyertai *Swimming Festival* di Langkawi pada bulan Disember dalam kategori renang jarak 8km.

Pegawai Jurutera Elektrik dan Senjata di KD GAGAH SAMUDERA ini turut berharap agar lebih ramai pegawai dan anggota wanita TLDM turut serta dalam sukan lasak ini. 

### Penyertaan Sukan Lasak

- Eco Challenge Sukan 5 Penjuru TLDM 2016
- Pertandingan Sukan Lasak Berkuda 40km (National Ladies Ride) 2016 & 2017
- Borneo Night Run 2017
- What The Hill Inobong Run 25km (Sabah) 2017
- Perak International Triathlon 2019
- Acara Renangan Merentasi Selat Dinding 10km Sempena Merdeka 2019
- Mad Aquathlon Port Dickson 2019
- Langkawi Swimming Festival 2019
- Malaysian Armed Forces Open - Tg Bidara Triathlon 2019



## PERSATUAN PERAHU LAYAR TLDM KEMBALI TEMPA NAMA DI KEJOHANAN ANTARABANGSA

**OLEH** Lt Kdr Mohd Firdaus bin Abdul Rahim TLDM

**P**ersatuan Perahu Layar TLDM (PPLTLDM) telah menyertai beberapa siri kejohanan di peringkat antarabangsa seperti *Royal Langkawi International Regatta* (RLIR), *Raja Muda Selangor International Regatta* (RMSIR), *Sabang International Regatta*, *Admiral's Cup Regatta*, *Phuket King's Cup Regatta*, *Samui Regatta* dan Liga Layar Malaysia. Selain itu, PPLTLDM turut aktif di kejohanan sirkit kebangsaan yang diadakan hampir setiap bulan dengan menggunakan bot-bot layar yang bersaiz kecil seperti *Windsurfing*, Bot Layar Laser dan Bot Layar International 470.

Pencapaian terbaik PPLTLDM di peringkat antarabangsa adalah melalui bot layar MARIKH jenis Contessa yang telah menjadi juara kali ke 4 untuk kategori Classic Class dan memenangi The Eveline Trophy pada RMSIR 2019 yang berlangsung pada 15 sehingga 23 November 2019 bermula di Port Klang, Pu Pangkor, Penang dan berakhir di Pu Langkawi. Bot layar MARIKH juga berjaya menjadi juara keseluruhan untuk acara yang sama di Kejohanan RLIR 2019 yang berlangsung pada 7 hingga 12 Januari 2019 di Pulau Langkawi. Tidak ketinggalan menyertai Kejohanan RLIR 2019 adalah bot layar jenis Farr Platu, Bot Layar DK 52 ZUHAL dan Bot Layar DK 47 URANUS.

Di peringkat kebangsaan, PPLTLDM telah muncul juara dan naib juara bagi kategori *Laser Standard* di Kejohanan *Perlis Open Regatta 2019* yang diadakan pada 20 hingga 25 Mac 2019 di Tasik Timah Tasoh, Perlis. Selain itu, PPLTLDM turut menjadi juara di Kejohanan Sirkit Kebangsaan 2018 bagi kategori *International 470* dan juara di Kejohanan *Melaka Open Regatta 2018* bagi acara *Laser Standard*.



# ATLET TLDM DOMINASI ANUGERAH SUKAN MAKSAK

OLEH LK TNL Haslisa binti Hamed

**A**tlet olahraga TLDM, LK TNL Komalam Shally a/p Selvaretnam telah mencipta sejarah tersendiri apabila dinobatkan sebagai Olahragawati MAKSAK Tahun 2018 pada Majlis Malam Anugerah MAKSAK yang bertempat di Dewan Seri Endon Puspanitapuri, Putrajaya pada 12 September yang lalu.

LK TNL Komalam merupakan pelari pecut negara bagi acara 100m, 200m, 4x100m, 4x400m individu dan 4x400m berpasukan. Anak jati kelahiran negeri Perak itu juga merupakan pemegang rekod bagi acara 4x100m. Beliau telah menunjukkan prestasi cemerlang di peringkat kebangsaan dan antarabangsa di samping sebagai penyumbang utama pingat kontinjen dalam setiap kejohanan yang disertainya. Sepanjang tahun 2018, beliau telah memenangi pingat emas di Kejohanan Terbuka Malaysia, Kejohanan Sukan Badan Berkanun, Kejohanan Terbuka Melaka dan pingat perak di Kejohanan Terbuka Kuala Lumpur.



LK TNL Komalam dan LK TLS Hakimi bersama hadiah yang dimenangi.

Turut mencuri tumpuan pada malam itu adalah atlet lompat kijang dan lompat jauh negara iaitu LK TLS Muhammad Hakimi bin Ismail. Beliau telah menerima Anugerah Khas MAKSAK Tahun 2018 atas pencapaiannya sebagai penyumbang pingat di temasya sukan antarabangsa. Sepanjang tahun 2018, beliau telah menyertai beberapa siri kejohanan antarabangsa dan telah berjaya mengekalkan prestasi cemerlangnya.

Mereka masing-masing membawa pulang hadiah wang tunai berjumlah RM2000.00, Sijil Simpanan Premium (BSN) bernilai RM3000.00 beserta piala iringan yang disampaikan oleh Tan Sri Dr.

Ismail bin Haji Bakar, Ketua Setiausaha Negara merangkap Yang Dipertua MAKSAK. Turut hadir pada majlis malam itu adalah Panglima Tentera Udara selaku Yang Dipertua MSAT ATM.

Semangat, komitmen serta kejayaan mereka dalam bidang yang diceburi ternyata telah memberikan impak yang positif terhadap TLDM. Diharapkan agar pencapaian ini dapat memberi inspirasi kepada *the Navy People* untuk terus mengharumkan nama TLDM khususnya, juga ATM dan negara. Kedua-dua atlet TLDM ini juga turut terpilih mewakili negara ke Sukan Sea Filipina yg berlangsung dari 30 November hingga 11 Disember 2019. 🇲🇾



Juara Passage Race RMSIR 2018.



PPLTLDM turut menyertai Kejohanan *Admiral's Cup Regatta* (ACR) di Ezhimala, India sejak 2016 sehingga 2018 dalam kategori *Laser* (Radial). Daripada 31 pasukan tentera laut dari seluruh dunia yang menyertai kejohanan ini, pasukan TLDM telah berjaya menduduki tempat ke-15.

Lebih membanggakan, tiga atlet dari PPLTLDM iaitu PW II TMK Masyuri bin Rahmat, BK TLR Salleh bin Ahmad dan

BM JJM Ariff bin Abd Razak telah terpilih mewakili Malaysia bagi kelas *Keel Boat* di Sukan SEA Manila 2019. Kali terakhir penyertaan atlet PPLTLDM di Sukan SEA adalah pada 2012.

PPLTLDM merancang untuk membawa sukan pelayaran ke dalam kalendar Kejohanan Sukan Antara Perkhidmatan ATM. Ini akan membantu dalam mencungkil bakat-bakat baru dari ketiga-tiga perkhidmatan ATM ke peringkat yang lebih tinggi. 🇲🇾



# LATIHAN TAHUNAN BERSEPADU PSSTLDM 2019

**OLEH** Lt Dya Mohammad Nasir bin Abdul Kudus PSSTLDM

**L**atihan Tahunan Bersepadu Pasukan Simpanan Sukarela TLDM (PSSTLDM) telah diadakan pada 16 hingga 21 Oktober 2019 di Pangkalan TLDM Lumut.

Latihan tahunan ini telah dilaksanakan secara bersepadu melibatkan semua unit Pasukan Simpanan TLDM (PSTLDM) dari Wilayah Barat (Semenanjung) dan Wilayah Timur (Sabah dan Sarawak). Aktiviti tahunan ini melibatkan seramai 450 orang peserta, terdiri daripada pegawai dan anggota PSSTLDM serta pengiring yang terdiri daripada Pegawai Staf dan anggota tetap unit PSTLDM. Latihan ini turut disertai Pegawai Kehormat PSSTLDM.

Antara objektif latihan ini adalah;

- (1) Menyemarakkan semangat dan minat anggota PSSTLDM melalui pelaksanaan latihan bersepadu di pangkalan TLDM.
- (2) Menilai tahap keberkesanan latihan yang dilaksanakan di unit-unit PSSTLDM.
- (3) Meningkatkan ketahanan mental dan fizikal warga PSSTLDM bagi menghadapi pelbagai cabaran.
- (4) Memberi pendedahan kepada PSSTLDM mengenai kemudahan latihan yang terdapat di Pangkalan TLDM Lumut.

- (5) Meningkatkan tahap kerjasama serta persefahaman dalam kalangan PSSTLDM.

Konsep pelaksanaan latihan ini adalah secara latihan litar atau *circuit training*, yang mana peserta telah dibahagikan kepada empat kumpulan iaitu awasan Merah, Hijau, Biru dan Putih. Latihan-latihan yang telah dilaksanakan adalah:

- (1) Latihan Mengawal Kerosakan dan Melawan Api (MKMA) di TANGKAS.
- (2) Ilmu Kelautan di KD HANG TUAH.
- (3) Ikhtiar Hidup di Pusat Latihan PASKAL.
- (4) *Clearance Divers* di KD DUYONG.
- (5) Penembakan senjata kecil.
- (6) Rempuh halangan.
- (7) Jalan lasak.
- (8) Rakit penyelamat.
- (9) Pelayaran *boating* (bagi pegawai Kehormat PSSTLDM).

Majlis pembukaan Latihan Bersepadu Tahunan PSSTLDM 2019 telah diadakan di Auditorium Venus, MPPL pada 17

Oktober 2019. Panglima Pendidikan dan Latihan TLDM telah merasmikan pembukaan Latihan Tahunan Bersepadu PSSTLDM kali ini. Dalam ucapannya, beliau menggalakkan setiap warga PSSTLDM mencari peluang menghadiri pelbagai kursus, aktiviti dan program yang dianjurkan oleh Bahagian Pasukan Simpanan TLDM dan unit masing-masing. Beliau juga mengingatkan kepada semua peserta supaya mengikuti program-program yang telah diaturkan dengan penuh tekun dan sentiasa mementingkan aspek keselamatan diri dan rakan-rakan. Kemudahan-kemudahan yang disediakan di kapal dan di Pangkalan TLDM juga perlulah dimanfaatkan sepenuhnya.

Pada malamnya pula diadakan sesi penerangan *Blueprint Future Generation 30* (FG30) yang disampaikan sendiri oleh Pengarah Pasukan Simpanan, Kepten Ismail bin Othman TLDM. FG30 merupakan satu hala tuju bagi memantapkan peranan, visi dan misi PSSTLDM agar kekal relevan dan setanding dengan peranan pasukan tetap TLDM. Selain itu, taklimat kewangan turut disampaikan oleh



Pegawai Staf KD SRI KLANG Lt Muhammad Azizul Musammin bin Yaakob TLDM. Melalui aktiviti dan sesi penerangan ini, diharapkan agar minat dan semangat warga PSSTLDM untuk terus berbakti kepada negara dapat terus disemarakkan.

Aktiviti jalan lasak, latihan penembakan senjata kecil dan rempuh halangan yang melibatkan semua awasan telah diadakan pada 19 Oktober. Pada 20 Oktober pula, semua awasan telah mengikuti latihan rakit penyelamat. Semua aktiviti yang dirancang telah dijalankan dengan lancar dan para peserta juga telah menunjukkan komitmen yang tinggi.

Pengarah Pasukan Simpanan TLDM TLDM semasa menutup latihan telah mengucapkan tahniah kepada semua peserta atas kerjasama dan komitmen mereka. Menurut beliau, usaha sedang dilakukan untuk mengkaji semula silibus latihan PSSTLDM supaya lebih relevan dan mengenal pasti kebolehan pegawai dan anggota PSSTLDM untuk diperjwatkan di unit-unit dan kapal TLDM untuk menyokong operasi dan pentadbiran. 📍



## PSSTLDM FUTURE GENERATION 2030 KURSUS PERTENGAHAN PEGAWAI SIMPANAN

**OLEH** Lt Dya Raja Zainal Badri bin YM Raja Datuk Sharifuddin Hizan As-Safri PSSTLDM

**T**ransformasi PSSTLDM melalui *Blueprint Future Generation 2030* (FG30) kian dirasai oleh setiap warga PSSTLDM sejak dimulakan pada tahun 2018.

Pada Ogos 2019, Kursus Pertengahan Pegawai Simpanan (KPPS) Siri 1/2019 khusus untuk pegawai berpangkat Leftenan Muda PSSTLDM telah diadakan sejajar dengan transformasi FG30 untuk melahirkan warga Pasukan Simpanan yang mempunyai kepakaran tinggi untuk bekerjasama dengan anggota tetap TLDM.

Kursus tersebut telah dihadiri seramai 38 pegawai daripada unit-unit PSSTLDM seluruh Malaysia di KD SULTAN IDRIS I (KDSI I), Pangkalan TLDM Lumut.

Kursus selama enam hari tersebut telah dibahagikan kepada tiga bahagian kepakaran iaitu Eksekutif, Kejuruteraan dan Bekalan. Berdasarkan FG30, setiap pegawai dikehendaki mengikuti kursus kepakaran yang telah ditetapkan melalui program secara *hands-on experience* untuk meningkatkan pengetahuan dan kemahiran dalam bidang masing-masing.

Sepanjang kursus ini, para peserta telah menjalani latihan teori pada siang hari dan latihan simulasi pada waktu malam di *Fleetwork Training Centre*. Subjek-subjek yang telah dipelajari termasuk Peperangan Laut, Navigasi, Penyelaku dan Operasi Anjungan, Formasi Kapal dan Komunikasi. Kursus ini sangat efektif dan lebih bermakna apabila sesi simulasi dijalankan bersama pegawai-pegawai tetap TLDM, Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia dan tentera laut dari negara luar yang sedang mengikuti Kursus Navigasi di KDSI I. Ianya sangat berkesan bagi meningkatkan kemahiran dan kecekapan setiap pegawai PSSTLDM. 📍



Peserta menjalani latihan simulasi di Penyelaku Anjungan.



Warga KDSM menawan puncak Gunung Kinabalu.



## ENSIGN TLDM BERKIBAR DI PUNCAK GUNUNG KINABALU

OLEH LK II JJM Muhammad Adib bin Abd Jalil

**S**EMPORNA – Bersempena dengan sambutan Hari Ulang Tahun PASKAL ke-37 pada 1 Oktober lalu, KD SRI SEMPORNA telah menganjurkan Ekspedisi Pendakian Gunung Kinabalu yang berlangsung selama empat hari bermula 8 hingga 11 Oktober 2019.

Ekspedisi ini bertujuan memupuk semangat kerjasama dan pantang menyerah selain untuk memberi pengalaman baharu kepada warga KDSM dalam membina keyakinan diri masing-masing. Seramai 30 orang warga termasuk tujuh peserta wanita telah mengambil bahagian dalam pendakian ini.

Pendakian sejauh 8.7 kilometer dimulakan pada jam 9 pagi di *Timpohon Gate*. Semua peserta telah sampai di *Panabalan Hut* sekitar jam 3 petang dan bermalam di sini sebelum meneruskan pendakian peringkat akhir untuk ke puncak Gunung Kinabalu pada jam 2.30 pagi. Fasa akhir pendakian sejauh 2.7 kilometer ini amat mencabar bagi semua peserta ekspedisi kerana keadaan muka bumi yang curam serta hujan yang turun dengan lebat.

Kesemua peserta berjaya menamatkan pendakian dan menawan puncak Kinabalu pada ketinggian 4095 meter sekitar jam 7 pagi 10 Oktober. Rata-rata para peserta amat berpuas hati dengan pencapaian masing-masing dan meluahkan kegembiraan mereka. Program kali ini merupakan kesinambungan ekspedisi pendakian Gunung Kinabalu yang telah diadakan pada 2016. 📍



## PERALIHAN TAMPUK KEPIMPINAN ARMADA TIMUR

OLEH BM TLR Mohamad Asri bin Md Zlan

FOTO PR MAWILLA 2

**K**OTA KINABALU - Laksamana Madya Datuk Syed Zahrul Putra bin Syed Abdullah telah dilantik sebagai Panglima Armada Timur bagi menggantikan Laksamana Madya Datuk Abdul Rahman bin Hj. Ayob pada 15 Oktober 2019. Upacara Serah Terima Tugas yang berlangsung di Pangkalan TLDM Kota Kinabalu telah disaksikan oleh Panglima Tentera Laut.

Laksdya Datuk Abdul Rahman yang telah menyandang jawatan Panglima Armada Timur mulai 25 Jun 2018 akan mengambil alih jawatan Timbalan Panglima Tentera Laut bermula 1 November 2019. Sepanjang pemerintahannya, beliau telah memperkenalkan *Sepanggar Readiness and Training Exercise (SPRITE)* yang merangkumi elemen 3M (*Man, Machine and Method*) bertujuan untuk memastikan kesiagaan armada sentiasa berada pada tahap tertinggi. 📍






## SEMINAR PEGAWAI KANAN TLDM 2019

**OLEH** Lt Kdr Alif Aizad bin Mohd Khairi TLDM  
**FOTO** Bahagian Komunikasi Strategik MPA Barat

**P** USMAS TLDM buat julung kalinya telah bekerjasama dengan Bahagian Pentadbiran Markas Tentera Laut untuk menganjurkan Seminar Pegawai Kanan TLDM 2019 (SPK 19). Seramai 193 pegawai kanan berpangkat Komander TLDM sehinggalah Laksamana telah menyertai seminar yang berlangsung pada 19 dan 20 November 2019 di Markas Pemerintahan Pendidikan dan Latihan TLDM. Panglima Tentera Laut telah menyampaikan ucap-tama sebelum merasmikan pembukaan seminar.

SPK 19 berkonsepkan perkongsian maklumat mengenai isu-isu dan perkembangan semasa serta perancangan masa hadapan sejajar hasrat untuk mengemaskinikan pengetahuan para pegawai kanan. Kehadiran di SPK 19 juga menyediakan ruang interaksi bersama barisan Pengurusan Tertinggi TLDM.


Pada hari pertama, sebanyak lapan taklimat dalaman telah disampaikan oleh bahagian dan unit berkaitan. Di hari kedua, seramai lima penceramah jemputan telah menyampaikan syarahan mereka dalam topik yang mempunyai kaitan dengan TLDM. Sesi dialog bersama Pengurusan Tertinggi TLDM, yang merupakan acara kemuncak SPK 19, telah diadakan di sebelah petang. Timbalan Panglima Tentera Laut telah mempengerusikan dialog bersama-sama Panglima Wilayah Laut 1, Panglima Wilayah Laut 2 dan Asisten Ketua Staf Sumber Manusia sebagai ahli panel. 



## TIMBALAN PANGLIMA TENTERA LAUT DIHARGAI WARGA LLP LEMBAH KLANG

**OLEH** PW II KOM Shapilin bin Dolmat  
**FOTO** Cawangan Komunikasi Strategik MktL

**P** ada 22 Oktober lalu seramai 350 warga Lain-Lain Pangkat (LLP) TLDM dari sekitar Lembah Klang telah hadir membantiri perkarangan dewan tertutup KD SRI GOMBAK (KDSG) sempena majlis ramah mesra dan menghargai Timbalan Panglima Tentera Laut (TPTL), Laksamana Madya Datuk Khairul Anuar bin Yahya yang akan bersara.

Majlis ini dianjurkan oleh Kelab Bintang Markas Tentera Laut. Dalam ucapannya, Laksdya Datuk Khairul sempat memberikan amanat dan nasihat kepada *the Navy People*. Memetik ucapannya "Jika kita melakukan sesuatu kerja, lakukanlah bersungguh-sungguh tanpa mengharapkan balasan dan bekerjalah kerana Allah SWT kerana suatu hari nanti tanpa kita sedari rezeki akan hadir tanpa diduga dan datangnya dengan pelbagai cara." 



# TLDM UNGGULI TILAWAH AL-QURAN ATM 2019

**OLEH** Lt M Maryam Merlisa binti Ibrahim PSSTLDM  
**FOTO** LK PWP Muhamad Zul Akmal bin Ahmad

**K**UALA LUMPUR – TLDM menguasai pentas Tilawah Al-Quran ATM ke-70 apabila dinobatkan sebagai johan keseluruhan. Majlis berlangsung di Auditorium Wisma Pertahanan, KEMANTAH pada 30 Oktober.

Tilawah ini disertai seramai 15 peserta yang mewakili ketiga-tiga cabang perkhidmatan. Darpada lima kategori yang dipertandingkan, peserta TLDM telah muncul juara bagi Kategori Pegawai, Kategori Qariah dan juga Kategori Saudara Muslim (Qari).



Johan bagi Kategori Pegawai dimenangi oleh Lt Mohd Arif bin Soef TLDM. Kategori Qari dimenangi oleh TDM, SSJN Muhammad Hasan Basri bin Ahmad, manakala Rozaihan binti Razali dari TLDM mengungguli kategori Qariah. Bintang Muda PGM Muhammad Amin bin Abdullah yang mewakili TLDM dan KPL Nur Hayfa Jessica binti Robert dari TDM dinobatkan sebagai Johan Qari dan Qariah bagi kategori Saudara Muslim. Kesemua pemenang telah membawa pulang hadiah wang tunai RM2000.00 dan piala pusingan. 🏆



## BIASAKAN YANG BETUL

**OLEH** PW I PRL Normahaily binti Mohd Nor  
**FOTO** PW II Shapilin bin Dolmat

**K**uala Lumpur – Masih ramai di kalangan kita yang keliru akan penggunaan sesetengah perkataan dalam pertuturan mahupun penulisan. Kekeliruan ini tidak lain, berpunca daripada sikap malas merujuk atau pun “sudah menjadi kebiasaan”.

Memandang serius perkara itu, PUSMAS TLDM dengan kerjasama Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) Kuala Lumpur telah menganjurkan Kursus Penulisan Kreatif bertempat di Perpustakaan Kementerian Pertahanan bermula 4 hingga 6 November 2019. Seramai 16 pegawai dan anggota yang terlibat dalam kerja-kerja penulisan telah terpilih menyertai kursus.

Tenaga pengajar DBP, Encik Abdul Karim A. Bakar telah membimbing peserta berhubung etika, teknik, format dan gaya penulisan yang betul. Beliau turut memberi panduan bagaimana menulis artikel yang berkualiti, retorik dalam penulisan artikel dan mengenal pasti kesalahan umum yang sering berlaku dalam penulisan. Selain itu, peserta turut diajar bagaimana mengindahkan sesebuah karya dan menguasai komunikasi tulisan dengan lebih gramatis.

Kursus ini berjaya memberi impak positif kepada peserta yang terdiri daripada pengamal media TLDM yang secara langsung dapat mempengaruhi persepsi umum melalui bahan penerbitan. Pada masa sama, ilmu yang dipelajari wajar dikongsikan untuk membantu meningkatkan penguasaan *the Navy People* dalam bidang penulisan. 🏆





# NOSTALGIA OPV1

**OLEH** PW II KOM Shapilin bin Dolmat  
**FOTO** BM TLR Mohamad Asri bin Md Zlan

**L**umut - Kerinduan jelas terpancar di wajah 37 bekas warga perintis KD MUSYTARI yang hadir di majlis *reunion* bertempat di Manjung pada 7 dan 8 Disember 2019. Kapal pertama dari jenis *Offshore Patrol Vessel* (OPV) ini telah dibina di Busan, Korea dan kembali ke tanahair pada Disember 1985. Manakala KD MARIKH (OPV2) telah dibina di Malaysia Shipyard and Engineering Sdn Bhd.

Pegawai Pemerintah pertama KD MUSYTARI Kepten Hamid bin Yaakub TLDM (bersara) ketika ditemu bual berkata, "Berjumpa semula dengan rakan-rakan setelah berpisah lebih 31 tahun lalu adalah detik yang mengharukan."

Laksamana Muda Dato' Azhari bin Abdul Rashid (bersara), 61, yang berkhidmat sebagai Pegawai Persenjataan pertama berkata majlis ini adalah peluang terbaik dalam menyambung silaturahmi sambil mengenang kisah silam.

Pelbagai aktiviti dijalankan termasuk penyampaian sumbangan kepada rakan-rakan yang kurang bernasib baik. Semoga hubungan mesra yang kembali bertaut ini akan berpanjangan. 📷






# RIBUAN PENGUNJUNG BANJIRI HARI TERBUKA ARMADA MAWILLA 1

**OLEH** BM TLR Mohamad Asri bin Md Zlan  
**FOTO** BM TLR Suhairi bin Mohamed Ali

**K**UANTAN - Pangkalan TLDM Tanjung Gelang tidak mahu ketinggalan dalam meraikan sambutan Hari ATM ke-86 dengan menganjurkan Hari Terbuka Armada (HTA) pada 19 Oktober lalu. HTA ini turut disertai oleh dua lagi cabang utama ATM iaitu Tentera Darat Malaysia dan Tentera Udara Diraja Malaysia.

HTA yang diadakan bertujuan memberi peluang kepada orang ramai untuk merasai pengalaman berada di atas kapal serta melihat pameran aset tentera dan promosi kerjaya oleh ATM. HTA ini melibatkan lapan buah kapal, sebuah pesawat Super Lynx (TLDM), Rapid Rover (TUDM) dan kereta perisai Gempita AV8x8 milik TDM. Pengunjung juga turut berpeluang melihat persembahan dari Pasukan Kawad Senyap MAWILLA 1.

Jumlah pengunjung yang hadir dianggarkan seramai 11,120 orang. Program sebegini dilihat berjaya menarik perhatian masyarakat setempat terhadap peranan ATM dan juga sebagai salah satu interaksi sosial dalam membina kesefahaman bersama ke arah memelihara kedaulatan negara. 





# KEROSAKAN GIGI KANAK-KANAK BOLEH DICEGAH

**OLEH** Kol (Dr) Zahani bt Mohamed Yusoff  
(Pakar Pergigian Kanak-Kanak HAT  
Tuanku Mizan)

**K**aries atau kerosakan gigi ialah salah satu penyakit pergigian yang biasa ditemui dalam kalangan kanak-kanak. Di Malaysia, 71.3% kanak-kanak prasekolah berumur lima tahun mengalami karies gigi (*National Oral Health Survey of Preschool Children 2015*).

## PENJAGAAN KESIHATAN MULUT BAYI DAN KANAK-KANAK BERUSIA BAWAH LIMA TAHUN

Ibu bapa mempunyai peranan besar dalam memastikan kesihatan mulut anak terjaga. Pada usia ini, kanak-kanak tidak mempunyai ketangkasan tangan, maka ibu bapa perlu membantu membersihkan gigi mereka. Ibu bapa perlu mengurangkan pemberian makanan dan minuman yang manis kepada kanak-kanak. Pemakanan yang seimbang adalah penting untuk pembinaan gigi.

Pembersihan ruang mulut anak perlu dimulakan walaupun gigi mereka belum tumbuh. Tujuan pembersihan adalah untuk menghilangkan sisa-sisa susu. Caranya adalah dengan membalut jari telunjuk dengan kain lembut yang dibasahkan dan mengurut gusi secara perlahan. Ini termasuk membersihkan permukaan lidah sekali. Ubat gigi tidak diperlukan pada peringkat ini.

Apabila anak mula tumbuh gigi, ianya masih boleh dibersihkan dengan kain lembut sehingga gigi tumbuh sepenuhnya. Ubat gigi berfluorida boleh mula digunakan apabila kanak-kanak berumur 2-3 tahun dengan hanya menyalitkannya ke berus gigi kerana penelanan ubat gigi berfluorida yang berlebihan mungkin menyebabkan kerosakan gigi (fluorosis) pada gigi kekal.



Ibu bapa tidak digalakkan sama sekali memberi susu botol semasa anak sedang tidur kerana perbuatan ini akan menyebabkan gigi berlubang. Sekiranya keadaan menjadi bertambah teruk, kehilangan gigi susu lebih awal dari masanya akan terjadi dan menyebabkan masalah gigi yang tumbuh dengan tidak teratur.

**Untuk anak yang memerlukan minuman/ susu botol semasa waktu tidur, sebaiknya berikan air kosong sahaja dan botol hendaklah dikeluarkan apabila anak telah tidur.**


Hentikan penyusuan botol apabila anak sudah berumur lebih kurang dua tahun. Galakkan anak minum susu menggunakan cawan.

## PENJAGAAN KESIHATAN KANAK-KANAK PRASEKOLAH (5-7 TAHUN)

Pada usia ini, kanak-kanak akan mengalami kehilangan gigi susu hadapan dan gigi geraham kekal yang pertama akan tumbuh. Ibu bapa perlu memastikan kanak-kanak mengambil diet yang seimbang dan mengurangkan pengambilan makanan/minuman bergula untuk mengurangkan risiko kerosakan gigi kepada gigi kekal.

Perlu diingatkan walaupun kanak-kanak semakin membesar, mereka masih memerlukan pengawasan semasa memberus gigi. Ibu bapa hendaklah sentiasa membantu dan memantau kerana kemungkinan gigi tidak dibersihkan dengan berkesan. Amalkan tabiat memberus gigi dua kali sehari pada waktu pagi dan malam.

Ibu bapa hendaklah mula membawa anak berjumpa dengan doktor gigi apabila gigi pertama kanak-kanak tumbuh iaitu pada umur antara enam bulan hingga satu tahun. Seterusnya dapatkan pemeriksaan pergigian sekurang-kurangnya enam bulan sekali. Ini akan membiasakan anak dengan pemeriksaan gigi secara berkala.

Kesimpulannya, dengan mengamalkan penjagaan oral yang baik, pengambilan diet yang seimbang, pengurangan pengambilan makanan dan minuman yang manis dan bimbingan serta pengawasan daripada ibu bapa, maka kerosakan gigi boleh dicegah. 



**OLEH** BM TLR Mohamad Asri bin Md Zlan  
**FOTO** KD PENDEKAR

**S**ebut sahaja pasal ikan patin masak tempoyak pasti anda akan terfikirkan negeri Pahang yang sudah sinonim dengan masakan ini. Kelembutan isi ikan patin segar yang dimasak bersama dengan tempoyak menambahkan keistimewaan hidangan ini sehinggakan ada yang sanggup memandu berjam-jam datang dari jauh semata-mata untuk menikmati dan merasai keaslian masakan ini. Dek kerana itulah KD PENDEKAR yang berpangkalan di Tanjung Gelang, Kuantan, memilih patin tempoyak sebagai hidangan istimewa kapal. Menu yang diberi nama Tempoyak Patin Warrior telah diilhamkan oleh LK BDI Mohammad Syafuan bin Tajulludin, *Chief of Galley* (COG) KD PENDEKAR.

## Resipi

### Bahan-bahan:

- Ikan patin
- Tempoyak masam dan manis
- Cili Padi
- Kunyit hidup
- Daun kesum
- Bunga kantan
- Garam
- Gula

### Cara-cara memasak:

- Ikan patin perlu dibasuh dengan teliti dan seterusnya dimasukkan ke dalam periuk.
- Kisar cili padi, seinci kunyit hidup bersama tempoyak masam dan manis dan diperap bersama ikan patin segar selama 15 minit hingga 30 minit supaya rasa tempoyak dapat meresap ke dalam isi ikan.
- Masukkan 4-5 cawan air ke dalam kualiti atau periuk dan dibiarkan mendidih di atas dapur.
- Setelah mendidih, masukkan daun kesum, bunga kantan dan ikan patin.
- Setelah itu, masukkan garam dan gula secukup rasa.
- Masak dalam 4-5 minit dengan menggunakan api yang perlahan dan **Tempoyak Patin Warrior** sedia dihidangkan.

# TEMPOYAK PATIN WARRIOR

# ISTILAH TENTERA LAUT



Isyarat/panggilan terakhir oleh Boatswain's Mate menandakan tamat rutin harian dan waktu untuk beristirahat


## *Sea Daddy*

Anggota berpengalaman yang ditugaskan sebagai mentor untuk membimbing anggota-anggota baharu dan muda.



JAWAPAN  
TEKA SILANG KATA  
SIRI 3/2019

## CROSSWORD PUZZLE



# NAVIGATING A PASSAGE OF EXCELLENCE



**Boustead Heavy Industries Corporation Berhad** 11106-v

17th Floor, Menara Boustead, 69, Jalan Raja Chulan, 50200 Kuala Lumpur, Malaysia.  
Tel: +603-2078 7770 Fax: +603-2078 7768 [www.bhic.com.my](http://www.bhic.com.my)





# SYSTEM CONSULTANCY SERVICES SDN BHD

Your *Thinking* Company

## System Consultancy Group of Companies:



**SCS Engineering Services Sdn Bhd**  
(394181-H)

Specializing in MRO ecosystem that transform from product to service centric organization



**DK Composites Sdn Bhd**  
(448908-X)

Design and Fabrication of Advanced Composites materials for Architectural, Marine, Automotive and Aerospace Industries



**Digital Aura (M) Sdn Bhd**  
(308286-T)

Project Management Solutions

Head Office:

**System Consultancy Services Sdn Bhd (219906-U)**  
No. 36 Jln Wangsa Delima 6 Pusat Bandar Wangsa Maju (KLSC) 53300 Kuala Lumpur  
Tel: +603 4149 1919 Fax: +603 4149 2121 Email: scshq@scs.my  
[www.scs.my](http://www.scs.my)